



JABATAN PERDANA MENTERI
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA

BULETIN ILKEM EDISI 1/2024



IST KANDUNGAN

PERUTUSAN KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN	04	KURSUS ICT RAHSIA RASMI SIRI 1/2024	46
PERUTUSAN PENGARAH INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)	05	AKTIVITI PELUPUSAN ASET DI BANGUNAN LAMA, BENGKEL PENDAFTARAN ASET TAK ALIH DAN PROSES PENAMPALAN PELEKAT SET	47
EKSKLUSIF		PENANDAARASAN ILKEM KE INSTITUT KOPERASI MALAYSIA	50
UCAPAN TAHNIAH ATAS PENGURNIAAN DARJAH JOHAN SETIA MAHKOTA KEPADA YBRS. TIMBALAN KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN (DASAR)	07	KURSUS PROTOKOL SIRI 1/2024	54
PELANCARAN LOGO BAHRU CGSO	08	PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP 11 DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN PELBAGAI JABATAN	55
ARTIKEL CGSO		KURSUS PENGURUSAN KESELAMATAN SASARAN PENTING DAN KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN BAGI PENGHUNI DAN PEMILIK SIRI 1/2024	58
WASPADA JENAYAH SIBER	14	KURSUS PROFESIONALISME PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PKJ) SIRI 1/2024	59
PEKERJAAN SEBAGAI SUMBER KEBAHAGIAAN	16	KURSUS BASIC LIFE SUPPORT - CPR & TRAUMA	61
MEMPERKUKUH KESELAMATAN FIZIKAL TERHADAP ASET KERAJAAN	19	PERASMIAN BENGKEL PEMBANGUNAN MODUL FITNESS AND HEALTH DAN SOP OBSTACLE COURSE	63
MANUSIA MUDAH DIGODAM	23	KURSUS KESEDARAN AWAM (ASAS KAWALAN KEBAKARAN) SIRI 1/2024	69
FOKUS		BRISK WALK ILKEM DAN BACAAN YASSIN	71
RINGKASAN KURSUS	28	GALERI	
JUMLAH KURSUS	31	GALERI LAWATAN DAN KUNJUNGAN DI ILKEM	75
TAKWIM ILKEM	32	BERITA PERKHIDMATAN	
AKTIVITI DI ILKEM		MAJLIS PERPISAHAN KAKITANGAN ILKEM	88
TRAINING OF TRAINER (TOT) KESELAMATAN FIZIKAL SIRI 1/2024	36	SUMBANGAN PUSSI	90
LAWATAN KE TAPAK PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, ILKEM	37	PUSAT SUMBER	92
MAJLIS PENUTUP BENGKEL LIBAT URUS PINDAAN AKTA RAHSIA RASMI 1972 (AKTA 88) BERSAMA AGENSI LUAR	38		
PROGRAM KESEJAHTERAAN MINDA WARGA ILKEM	40		
KURSUS KAWALAN DOKUMEN RASMI DAN DOKUMEN RAHSIA RASMI BAGI PENDAFTAR RAHSIA, PEMBANTU KHAS DAN KESETIAUSAHAAN PEJABAT SIRI 1/2024	45		



SIDANG REDAKSI



Penaung

YBhg. Dato` Rahimi bin Ismail



Penasihat

YBrs. Tuan Haji Mohd Najib bin Surip



Ketua Pengarang

Encik Roselan bin Mohamed

Penulisan Artikel

- Puan Nur Azhani binti Yunos
- Encik Ahmad Nazim bin Mazlan
- Encik Hafizi bin Ibrahim
- Encik Mohd Syukri bin Mangku



Pegawai Penyelaras

Encik Mohd Azhar bin Yusoff
Encik Mohd Amirul Hafiz bin Abdul Halim



Pereka Grafik

Encik Mohd Raziz bin Minhat

Pembantu Pereka
Encik Mohd Amirul Hafiz bin Abdul Halim



PERUTUSAN

KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'laikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Sejahtera,
Salam Malaysia Madani.

Alhamdulillah, segala puji dan kesyukuran dipanjatkan kepada Allah SWT, kerana dengan izin dan inayah-Nya, dapat kita bersua lagi dalam naskah Buletin ILKEM Edisi Pertama Tahun 2024. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pasukan penerbitan Buletin ILKEM atas iltizam dan komitmen yang padu dalam merealisasikan naskah ilmu dan wadah perkongsian kepada penjawat awam. Semoga penerbitan Buletin ILKEM akan sentiasa mekar dengan idea dan bernas.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada para penulis artikel yang sudi menyumbangkan artikel untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam bidang kepakaran masing-masing yang akan memberi nilai tambah kepada Buletin ini. Buletin ILKEM yang mengupas mengenai Keselamatan Perlindungan merupakan satu medium bagi penjawat awam untuk mengetahui lebih lanjut mengenai fungsi dan peranan CGSO.

Semoga Buletin ini dapat dijadikan sumber ilmu dan rujukan bagi membantu penghasilan mutu kerja yang berkualiti tinggi.

Besarlah harapan saya agar CGSO dapat terus menjadi agensi yang dapat memberikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi. CGSO juga tidak ketinggalan dalam menyangut cabaran perubahan yang semakin kompleks. Pelbagai inisiatif telah dirangka dalam Pelan Transformasi CGSO 2030 dan Pelan Strategik CGSO 2023-2025 bagi melonjakkan CGSO seiring dengan agensi-agensi kluster keselamatan yang lain. Pelbagai kejayaan telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2023 dah sayar berharap kejayaan ini dapat diteruskan lagi.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha menerbitkan buletin ini. Semoga penerbitan Buletin ILKEM ini dapat memberikan manfaat kepada semua.

Sekian, terima kasih.

Dato' Rahimi bin Ismail
Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan

PERUTUSAN

PENGARAH INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN

MALAYSIA
(ILKEM)



YBrs. Tuan Roselan bin Mohamed
Pengarah
Institut Latihan Keselamatan
Perlindungan Malaysia (ILKEM)

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam Sejahtera

Saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, masih belum terlewat lagi untuk saya dan barisan Pengurusan Tertinggi Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2024 buat seluruh warga ILKEM yang saya kasihi sekalian. Saya menyeru agar semua warga ILKEM dapat memulakan tahun baharu 2024 ini dengan penuh semangat, azam serta iltizam yang tinggi. Semoga tahun ini dan tahun-tahun yang akan datang akan dikurniakan semangat dan iltizam untuk memikul amanah dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan komitmen dalam meningkatkan mutu pencapaian prestasi dengan lebih cemerlang.

Saya zahirkan syukur Alhamdulillah, ke hadrat Allah SWT kerana kita berjaya mengharungi cabaran hebat sepanjang tahun 2023 dengan keazaman dan kecekalan. Suka untuk saya mulakan ucapan ini dengan berita yang menggembirakan, dengan merakamkan ucapan tahniah di atas kejayaan ILKEM sepanjang tahun 2023. Biarpun terdapat kekangan, namun ILKEM berjaya melaksanakan program-program dan aktiviti yang di rancang khususnya yang melibatkan Program Keselamatan Perlindungan. Semua ini tidak akan tercapai tanpa kerjasama dan komitmen padu kita semua dalam memastikan setiap gerak kerja mampu dilaksanakan secara kolektif antara semua warga ILKEM dan ini juga adalah bukti komitmen dan kualiti kerja warga ILKEM.

Saya amat berpuas hati dan berbangga dengan pencapaian ini dalam memperkenalkan ILKEM pada seluruh warga CGSO khususnya dalam menjayakan Program Fun Run, Kursus Pengukuhan Kader dari pelbagai Agensi dan Kementerian serta Program Kursus Asas Keselamatan Perlindungan yang melibatkan pegawai-pegawai baharu serta pegawai lantikan pangkat bagi tahun 2023.

Sesungguhnya tahun 2024 dijangka akan memberi cabaran yang lebih besar. Justeru, setiap warga ILKEM diharap sentiasa dapat menunjukkan prestasi yang cemerlang untuk sama-sama membina masa hadapan Malaysia yang lebih baik. Sebagai langkah kehadapan, momentum kejayaan tahun lalu perlu kita teruskan dengan perancangan dan pelaksanaan yang lebih teliti dan bijak. Semoga kita semua akan terus kuat menempuh cabaran mendatang sebagai satu pasukan warga Institut Latihan ILKEM yang kuat, kukuh dan saling menyokong antara satu sama lain. Semoga semua warga ILKEM yang dikasihi terus beristiqamah dan beriltizam untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik dengan lebih cemerlang dan berintegriti.

Sekian, Terima kasih.



EKSKLUSIF



PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI

Setinggi-tinggi *Tahniah*

YBRS. PUAN JULAILA BINTI ENGAN

Timbalan Ketua Pengarah
Keselamatan Kerajaan (Dasar)

atas pengurniaan

DARJAH KEBESARAN JOHAN SETIA MAHKOTA
(J.S.M)

sempena

Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang
dan Pingat Persekutuan Tahun 2023

pada

09 Januari 2024 (Selasa)

Ikhlas Daripada

YBhg. Dato' Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan,
Pengurusan Tertinggi CGSO dan Warga CGSO



UCAPAN TAHNIAH ATAS PENGURNIAAN DARJAH JOHAN SETIA MAHKOTA KEPADA YBRS. PUAN JULAILA BINTI ENGAN TIMBALAN KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN (DASAR)

Pengurusan Tertinggi dan warga Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Yang Berusaha Puan Julaila binti Engan, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Dasar) atas pengurniaan Darjah Kebesaran Johan Setia Mahkota (J.S.M).

Darjah Kebesaran tersebut telah dikurniakan oleh Yang di-Pertuan Agong XVI, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah bersempena dengan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan Tahun 2023 di Istana Negara hari ini.

Tahniah dan semoga YBrs. Puan Julaila binti Engan terus cemerlang untuk terus menabur bakti kepada CGSO, masyarakat dan negara.

MAJLIS PELANCARAN

LOGO



Pada 26 Januari 2024 di Ibu Pejabat CGSO telah berlangsungnya Majlis Pelancaran Logo Baharu CGSO yang dirasmikan oleh YBhg. Dato' Rahimi bin Ismail, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan.

Menjadi detik bersejarah buat warga CGSO apabila YBhg. Dato' Ketua Pengarah telah melancarkan logo baharu CGSO yang membawa imej dan elemen-elemen baharu yang merangkumi *vigilant* dan *security in-depth*.

Turut hadir bersama bagi menyerikan majlis ini ialah YBrs. Puan Julaila binti Engan, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Dasar), YBrs. Tuan Haji Mohd Najib bin Surip, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Operasi) dan semua warga CGSO sama ada hadir secara fizikal atau secara atas talian.

“Tahun 2023 merupakan tahun yang penuh bersejarah buat kita semua dengan pelbagai kejayaan dan kecemerlangan yang telah dikecapi. Kejayaan kita dalam mencapai Penunjuk Prestasi Utama atau KPI yang telah ditetapkan adalah sesuatu yang amat membanggakan dan perlu diteruskan pada tahun 2024 dan tahun mendatang”- Petikan ucapan YBhg. Dato' Rahimi bin Ismail, Ketua Pengarah CGSO-



LOGO CGSO



Selain daripada maksud *Chief Government Security Office*, Perkataan ini juga merupakan akronim yang membawa frasa *Change*, *Guardian*, *Secret* dan *Outreach*.

Change

: CGSO membawa perubahan berkenaan keselamatan perlindungan mengikut cabaran dan keperluan semasa.

Guardian

: Melaksanakan pengawalan secara optimum bagi menjaga keselamatan asset, maklumat di premis Kerajaan, Sasaran Penting dan Kawasan Larangan Tempat Larangan.

Secret

: Berpegang kepada prinsip kerahsian melalui slogan “Rahsiakan Rahsia Kerajaan”

Outreach

: Merakyatkan CGSO dengan memberikan manfaat kepada rakyat melalui pembudayaan keselamatan perlindungan dalam kehidupan seharian.

BURUNG HANTU



“*The Great Horned Owl*” menggambarkan sifat warga CGSO yang sentiasa peka terhadap sebarang ancaman dan cabaran semasa.

Ia juga terkenal dengan karakter yang senyap dan pantas serta mempunyai daya penglihatan yang tajam bersesuaian dengan visi dan misi CGSO.

Selari dengan slogan "Rahsiakan Rahsia Kerajaan", CGSO bertanggungjawab untuk menjaga kerahsiaan Maklumat Rahsia Rasmi Kerajaan. Sifat berahsia boleh dikaitkan dengan perwatakan misteri burung hantu.



FAKTA MENGENAI BURUNG HANTU

- Mata yang menghadap ke hadapan memberikan penglihatan BINOKULAR untuk menganggarkan jarak ke mangsa yang bergerak dengan lebih baik.
- Mereka boleh mendengar bunyi yang minimal, contohnya seperti bunyi pergerakan haiwan yang bergerak di bawah salji.
- Disesuaikan untuk memburu malam, penglihatan mereka 100 KALI LEBIH KUAT
- Populasi global 6 juta 14% di Kanada

BINTANG



Dua bintang merujuk kepada pengiktirafan yang dilaksanakan oleh kementerian, jabatan, agensi dan syarikat yang mempunyai kepentingan kepada kerajaan dalam meningkatkan mutu keselamatan perlindungan. Penarafan Bintang ini dilaksanakan oleh Bahagian Inspektorat Pematuhan dan Pengiktirafan (Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan) dan Bahagian Sasaran Penting Kawasan Larangan Tempat Larangan (Anugerah Penarafan Bintang Sasaran Penting).

EMPAT TIANG




Di bawah Prinsip *Defence in Depth*, Empat tiang merujuk kepada empat teras fungsi keselamatan perlindungan iaitu:

- Tiang 1: Mencegah (*Deter*)
- Tiang 2: Mengesan (*Detect*)
- Tiang 3: Melengahkan (*Delay*)
- Tiang 4: Mengambil Tindakan (*Action*)

Selain itu, empat tiang ini juga membawa maksud Keselamatan Fizikal, Keselamatan Rahsia Rasmi, Keselamatan Rahsia Rasmi dalam Persekutuan ICT dan Keselamatan Peribadi


BULATAN CINCIN



Dua garisan bulatan cincin bersesuaian dengan fungsi CGSO dalam keselamatan perlindungan yang holistik bagi mencapai matlamat *Zero Defect*.



Warna emas melambangkan kedaulatan dan kemakmuran negara



Warna hitam melambangkan keberanian, pergerakan senyap dan berkesan pegawai-pegawai CGSO



ARTIKEL CGSO

WASPADA JENAYAH SIBER

Jenayah siber merupakan jenayah yang dilakukan melalui komputer dalam internet. Perbuatan ini menyebabkan mangsa menderita dan mengalami kerugian. Penjenayah siber akan muat turun cara mencuri, menipu harta benda, pemalsuan, peras ugut, mengubah data . Hal ini bertujuan untuk mengakibatkan kerugian dan penderitaan mangsa-mangsa. Perbuatan jahat yang biasa kita dengar termasuklah penipuan, kerosakan atau pengubahsuaian ke atas program atau komputer , kecurian maklumat, capaian secara tidak sah ke atas sistem, pengintipan penyebaran.

Selaras dengan kepesatan teknologi kita mungkin akan berhadapan dengan pelbagai bentuk jenayah baharu namun ianya amat sukar untuk dibendung. Faktor utama yang dikenal pasti ialah kesukaran mengenal pasti siapakah yang terlibat. Umumnya penjenayah siber adalah golongan yang berpengetahuan di dalam jenayah siber.

Kebanyakan pengguna internet dan media sosial pada hari ini begitu mudah berkongsi maklumat peribadi masing-masing. Meskipun tidak secara menyeluruh, tetapi sedikit maklumat sahaja membolehkan *scammer* memanipulasi mangsa dengan maklumat yang diperoleh. Sebagai contoh, perkongsian pekerjaan seseorang di laman sosial seperti *Facebook* membolehkan *scammer* untuk merancang modus operandi mereka bagi memperdayakan mangsa melalui taktik penipuan penyamaran sebagai pegawai penguatkuasa undang-undang.

Tidak berkongsi langsung kegiatan sehari-hari atau maklumat diri sendiri di media sosial adalah sesuatu yang agak mustahil untuk dilakukan pada hari ini namun sebagai pengguna yang bijak, kita perlu melakukan pemantauan kendiri seperti meminimakan perkongsian maklumat, dengan cara tidak meletakkan secara terperinci tentang diri kita. Selain itu, masyarakat juga perlu peka apabila menerima panggilan atau mesej daripada nombor yang tidak dikenali. Lazimnya, *scammer* akan menggunakan nombor telefon bimbit bagi menghubungi mangsa dan memperkenalkan diri sebagai pegawai penguatkuasa. Jika menerima panggilan seperti ini, pengguna hendaklah mengabaikan panggilan tersebut. Hal ini kerana, setiap urusan rasmi oleh agensi penguatkuasa undang-undang kepada masyarakat akan menggunakan surat rasmi.

Terdapat pegawai penguatkuasa undang-undang menggunakan telefon bimbit mereka bagi menghubungi individu tertentu untuk urusan siasatan tetapi panggilan tersebut akan bertanyakan tentang maklumat sesebuah kes atau tujuan dan tidak melibatkan permintaan untuk melakukan permindahan wang. Bukan itu sahaja, jika menerima pesanan ringkas atau mesej yang mempunyai pautan internet kita harus berwaspada dan tidak sesekali mengklik pautan yang diberikan. Pautan yang dihantar adalah salah satu taktik penjenayah untuk mencuri data peribadi mangsa melalui taktik dikenali sebagai “*phishing*”. Jadi, peka dan beringat sebelum kena.

JENAYAH SIBER

Tindakan penipuan atas talian yang disengajakan melalui penyampaian maklumat palsu dan mengelirukan yang dilakukan untuk mendapatkan keuntungan atau manfaat yang tidak adil.



Ciri jenayah siber

- dilakukan secara atas talian
- menyasarkan golongan yang mudah terpengaruh dan lemah dari segi mental
- bercirikan kecanggihan teknologi masa kini

Jenis penipuan atas talian

- Penipuan jual beli atas talian
- Skim Penipuan Kerja dari Rumah
- Penipuan hubungan
- Gangguan Siber



Punca berlaku jenayah siber

- Sikap tamak manusia
- Kurang didikan agama
- Sikap manusia yang negatif
- Sulit untuk dikenalpasti siapakah penjenayah



Kesan jenayah siber kepada mangsa

- Impak negatif ke atas emosi dan psikologi mangsa
- Pembocoran dan pencurian maklumat peribadi

Kesan jenayah siber kepada penjenayah

- Dikerasakan hukuman penjara dan denda yang berat
- Ahli keluarga penjenayah akan didiskriminasi oleh masyarakat



Langkah pencegahan penipuan siber

- menjalankan satu kempen jenayah siber
- mengkaji atau memperkenalkan undang-undang ketat berkaitan dengan jenayah siber
- Melindungi sistem komputer sendiri
- Meningkatkan keselamatan siber negara

Sumber gambar : Nurainin Zulkibri, Jenayah Siber

Secara prinsipnya kita perlu melengkapkan diri dengan ilmu, kemahiran dan pengetahuan yang lebih baik supaya tidak menjadi mangsa jenayah siber. kesimpulanya, sentiasa waspada dengan ancaman jenayah siber, fikir dulu sebelum klik e-mel, pautan atau lampiran yang mencurigakan dan segera laporan kepada pihak berkuasa jika ada sebarang insiden kebocoran maklumat atau ada ancaman siber dari mana-mana pihak yang diragui atau tidak dikenali.

Sumber Rujukan :

1. <https://www.ipendidikan.my/langkah-mengatasi-jenayah-siber.html>
2. <https://cyberconsumer.my/langkah-mengelakkan-menjadi-mangsa-ancaman-jenayah-siber/>
3. <https://www.kkd.gov.my/awam/berita/16474-bernama-11-feb-2020-kerajaan-laksana-pelbagai-usaha-tangani-isu-ancaman-siber>

PEKERJAAN SEBAGAI SUMBER KEBAHAGIAAN



**PUAN NUR AZHANI BINTI
YUNOS**

PENGARAH

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Pernahkah anda berasa malas hendak bersiap untuk ke pejabat? Ataupun anda sering menjeling jam di dinding, menanti waktu untuk mengetik keluar kad perakam waktu? Atau lebih parah lagi, sering mencipta alasan untuk pulang ke rumah lebih awal sebelum tamat waktu bekerja? Awas, ini merupakan antara petanda anda tidak mencapai keseronokan di tempat kerja! Keseronokan bekerja bergantung kepada pelbagai faktor dalaman dan luaran . Ini termasuk konflik antara minat dan kemahiran dengan bidang tugas; persekitaran tempat kerja, hubungan dengan pegawai yang diselia,rakan sekerja atau pegawai penyelia; malah faktor masalah peribadi di rumah.

Menurut kajian oleh Diener & BiswasDiener (2008) dan Oswald, Proto & Sgroi (2008) mendapati, pekerja yang berasa tidak bahagia di tempat kerja lebih cenderung:

- (i) mempunyai hubungan yang kurang erat dengan rakan sekerja;
- (ii) mempamerkan diri sebagai individu yang berprestasi rendah;
- (iii) mempunyai idea yang konvensional;
- (iv) beralih arah atau berada dalam sesuatu organisasi untuk tempoh masa yang singkat;
- (v) memberi sumbangan yang tidak setimpal dengan tugas;
- (vi) mengelakkan diri dari membantu rakan sekerja;
- (vii) mengambil cuti sakit; dan
- (viii) jarang menepati masa.

Keseronokan bekerja dapat memberikan impak positif terhadap kualiti hasil kerja seseorang. Apabila seseorang menikmati pekerjaan mereka, mereka cenderung lebih bersemangat, komited dan fokus dalam melaksanakan pekerjaan. Ini boleh membawa kepada peningkatan kreativiti, produktiviti dan kesediaan untuk mengatasi setiap cabaran dalam tugas yang dilaksanakan. Keseronokan kerja juga dapat membantu mengurangkan stress, meningkatkan kesejahteraan emosi dan menjadikan seseorang lebih komited terhadap matlamat organisasi. Ianya turut memberi impak terhadap persekitaran kerja yang lebih produktif. Atmosfera kerja yang menyeronokkan boleh meningkatkan kualiti kerjasama dan komunikasi di kalangan ahli kumpulan, memudahkan pertukaran dan percambahan idea serta penyelesaian masalah secara kolektif. Ini dapat meningkatkan produktiviti dan prestasi kumpulan secara keseluruhan.



Mantan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), YBhg. Tan Sri Othman bin Mustapha dalam salah satu majlis amanatnya sekitar tahun 2018 pernah menyebut, ‘ Jika anda tidak dapat kerja yang anda suka, anda perlu berusaha untuk menyukai kerja yang anda dapat’. Keseronokan bekerja sebenarnya boleh dicipta melalui beberapa langkah seperti mencari tugas yang menarik, mencapai *worklife balance*, menjalin hubungan kerja yang positif dengan rakan sekerja dan menetapkan matlamat yang memberi makna. Berusaha untuk membangunkan kemahiran dan mencari projek atau aktiviti sampingan di tempat kerja yang memberikan kepuasan peribadi juga boleh meningkatkan keseronokan dalam bekerja. Pokok pangkalnya, hanya kita yang tahu mengapa kita tidak

seronok untuk bekerja. Punca ‘penyakit’ perlu dikenalpasti, barulah ubat yang betul dapat diberi.

Setiap individu mempunyai keperluan, minat dan nilai yang unik. Oleh itu, cara untuk mencapai keseronokan bekerja adalah berbeza-beza mengikut individu. Sesetengah orang mungkin mencapai keseronokan dan kepuasan apabila tugas yang mencabar intelektual dapat diselesaikan dan memenuhi keperluan pemegang taruh. Sementara yang lain mungkin menekankan interaksi sosial dengan cara membawa aura positif dan ceria di tempat kerja. Sesetengah individu pula mencapai keseronokan bekerja dengan melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti sampingan di pejabat seperti aktiviti kelab sukan dan kebajikan, aktiviti puspanita, aktiviti kerohanian,mahupun sekadar aktiviti *potluck* rakan sekerja.

Kesimpulannya, pada zaman ekonomi yang mencabar ini dan pada masa yang sama puluhan ribu graduan dilahirkan setiap tahun, kita perlu bersyukur dan merasa bahagia kerana kita mempunyai pekerjaan. Tanpa pekerjaan, kita mungkin berhadapan dengan pelbagai isu yang boleh memberi kesan ke atas kebahagiaan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Kepada sesetengah individu yang tidak mempunyai atau kehilangan pekerjaan, mereka mungkin mengalami penghargaan kendiri yang rendah, berasa tidak selamat, hilang hubungan atau jaringan sosial dengan orang lain, dan berhadapan dengan masalah kewangan. Bagaimana mereka boleh berasa bahagia apabila dihimpit dengan situasi yang sedemikian? Oleh kerana itulah kita perlu bersyukur dan menjadikan pekerjaan kita sebagai sumber kebahagian untuk diri kita, keluarga dan orang di sekeliling kita. Maka, penting untuk setiap individu mengenali keperluan peribadi dan mencari pendekatan yang sesuai yang boleh dilaksanakan sendiri oleh individu tersebut untuk mencapai keseronokan dalam kerjaya masing-masing.

Sumber rujukan:

1. *Journal of Labor Economics Volume 33, Number 4 (Oktober 2015) - Happiness and Productivity* oleh Diener & BiswasDiener (2008) dan Oswald, Proto & Sgroi (2008)
2. Buku ‘Nasihat Othman Mustapha’ oleh Mohamad Zarifi Bin Mohamad Daud. Terbitan Jakim

MEMPERKUKUH KESELAMATAN FIZIKAL ASET KERAJAAN



**ENCIK AHMAD NAZIM BIN
NAZLAN**

PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN
KERAJAAN TINGGI
BAHAGIAN KESELAMATAN FIZIKAL DAN
PENILAIAN TEKNIKAL

Umum mengetahui bahawa kestabilan dan kebolehfungsian sesuatu kementerian, jabatan, agensi Kerajaan bergantung kepada banyak faktor dan salah satunya adalah kebolehupayaan Ketua Jabatan di dalam memastikan bangunan dan aset milik kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan tersebut berada di dalam keadaan yang selamat. Sejak dahulu lagi, Kerajaan Malaysia menghadapi pelbagai bentuk cabaran dalam memastikan keselamatan bangunan dan aset Kerajaan kekal terjamin dan boleh digunakan secara optimum. Oleh itu, selaras perubahan pantas lanskap ancaman keselamatan di Malaysia, adalah amat penting bagi pihak yang bertanggungjawab untuk memastikan langkah-langkah keselamatan perlindungan diadaptasi secara berterusan bagi melindungi bangunan dan aset Kerajaan dari sebarang bentuk risiko.

Dewasa ini, perluasan penggunaan teknologi di dalam penyampaian perkhidmatan Kerajaan memang tidak dapat dinafikan. Sesuai keperluan semasa, perlumbaan di dalam memastikan pendigitalan melalui transformasi penyampaian perkhidmatan adalah contoh yang menunjukkan bahawa kepesatan era teknologi berada di aras tinggi dan sekiranya tidak dikawal secara selamat ia boleh membahayakan kementerian, jabatan, agensi Kerajaan. Oleh itu, seringkali penjawat awam dan komuniti keselamatan diminta untuk memahami serta mengikuti aktiviti, program dan Latihan kursus berkaitan kesedaran keselamatan rahsia rasmi di persekitaran ICT. Kesedaran bahawa sesuatu kementerian, jabatan dan agensi kerajaan akan selamat sekiranya menggunakan keempat-empat elemen keselamatan sepertimana yang diterangkan di dalam buku Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) juga telah diperluaskan secara berterusan. Namun begitu, di tahap manakah kesedaran keselamatan perlindungan tersebut memberi kesan kepada kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan ?. Adakah semua pihak jelas bahawa ancaman siber juga boleh meruntuhkan sistem keselamatan fizikal dan membinasakan aset Kerajaan ?.

Perubahan dan peningkatan spesifikasi kelengkapan keselamatan bagi memenuhi ruang berkait peningkatan teknologi semasa dan pertambahan ancaman siber juga menjadi antara cabaran utama kepada sesuatu kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan di dalam memastikan bangunan dan aset mereka sentiasa terlindung dan di dalam keadaan selamat. Situasi ini menjadi beban tidak langsung kepada Kerajaan di mana pembelian kelengkapan keselamatan seringkali diklasifikasikan sebagai aset tetap. Namun kini, kelengkapan keselamatan sering dinasihatkan untuk dikemaskini, diselenggara atau ditukar dalam masa yang singkat. Bebanan ini memberi ruang kepada mana-mana orang yang berkepentingan untuk melakukan kompromi memandangkan individu tersebut pasti jelas bahawa perolehan Kerajaan mempunyai tatakelola tersendiri melibatkan pelbagai pihak.



Gambar ancaman bom di mahkamah Terengganu oleh Kosmo Digital

Impak daripada cabaran di atas hanya dapat ditangani sekiranya kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan sentiasa mengamalkan prinsip “Defense in Depth” di setiap batas ruang bangunan dan persekitaran aset masing-masing. Tiada yang mustahil untuk dicapai sekiranya semua kakitangan sepakat di dalam mengadaptasikan prinsip keselamatan perlindungan di sepanjang proses penggubalan dasar dan pengoperasian kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan selaras Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017).

Cabarannya seterusnya adalah pertumbuhan kemajuan teknologi dunia yang pesat sehingga memberi ruang kepada penyelewengan tanpa jejak dari dalaman atau luaran kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan. Ancaman dari aspek kelemahan manusia dan ditambah dengan kemampuan individu terbabit mengeksplorasi capaian global internet dan perkembangan teknologi untuk melakukan jenayah siber adalah contoh yang seringkali dijadikan pertikaian hangat di kalangan pembuat dasar kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan kerana ia melibatkan faktor-faktor tidak langsung yang sukar dijangka, dikesan dan diambil tindakan.



Gambar Lawatan Pemeriksaan BKFPFT di Istana Negara

Walaupun langkah ini sering dianggap membebankan oleh sebilangan penjawat awam dan komuniti keselamatan, namun langkah meningkatkan kerjasama antara agensi penguatkuasaan undang-undang, rakan kongsi risikan dan pemain industri keselamatan boleh memudahkan pertukaran maklumat risikan dan menjadi amalan terbaik. Perkongsian maklumat dan sumber yang boleh dinamakan sebagai kerjasama strategik antara kementerian, jabatan, agensi Kerajaan, agensi penguatkuasaan undang-undang, rakan kongsi risikan dan pemain industri keselamatan ini boleh mengukuhkan setiap lapisan di dalam prinsip “*Defense in Depth*” dan seterusnya menghasilkan tindak balas lebih berkesan terhadap ancaman yang muncul.

Sepanjang tahun 2023, Sebanyak 102 permohonan menaik taraf sistem keselamatan telah diterima oleh Bahagian Keselamatan Fizikal dan Penilaian Teknikal, ini menunjukkan bahawa inisiatif yang diterapkan oleh Kerajaan sepertimana di atas telah memberikan impak dan imej positif. Sekiranya pematuhan kepada Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) ini diteruskan dan ditambahbaik selaras keadaan semasa, ia boleh menjadi suatu jambatan ke arah kejayaan mengekalkan kemerdekaan, keamanan dan kesejahteraan Negara umumnya dan kejayaan Ketua Jabatan di dalam memimpin organisasi masing-masing khususnya.

Sumber Rujukan:

1. Smith, J. (2023). "Meningkatkan Keselamatan Fizikal di Bangunan Kerajaan: Cabaran dan Cadangan." *Jurnal Keselamatan Kerajaan*, 12(3), 45-58.
2. Tan, A. B. (2022). "Inovasi Teknologi dalam Meningkatkan Keselamatan Fizikal di Bangunan Kerajaan." Prosiding Konferensi Kejuruteraan Awam, Kuala Lumpur, Malaysia.
3. Kementerian Kesihatan Malaysia. (2024). Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja di Bangunan Kerajaan. Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia.
4. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. (2023). Panduan Pemadam Kebakaran untuk Bangunan Kerajaan. Putrajaya: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
5. Arahan Keselamatan

“ MANUSIA TIDAK BOLEH BERPUTUS ASA, SEBALIKNYA MESTI SENTIASA MEMPUNYAI HARAPAN

WALAUPUN KEADAAN ITU BENAR-BENAR SIA –SIA DAN HAMPA.”

**NORDIN HASSAN
– SASTERAWAN NEGARA –**

MANUSIA MUDAH DIGODAM



ENCIK HAFIZI BIN IBRAHIM

PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN
KERAJAAN KANAN

BAHAGIAN KESELAMATAN ICT & RAHSIA
RASMI



ENCIK MOHD SYUKRI BIN MANGKU

PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN
KERAJAAN

BAHAGIAN KESELAMATAN PERSONEL

Fitrah manusia cenderung kepada sifat ingin tahu dan ingin mencuba sesuatu perkara baru. Keadaan ini mungkin boleh menyebabkan manusia mudah dieksplotasi daripada pelbagai sudut dan tanpa sedar dikawal secara emosi serta tingkah laku. Asas kenyataan ini boleh disandarkan dengan merujuk kepada statistik semasa yang dikeluarkan oleh pihak Cybersecurity Malaysia, mangsa jenayah siber saban tahun semakin meningkat dan dijangka berterusan jika tiada kesedaran mendalam berhubung bahaya internet. Ramai orang perseorangan dan pegawai awam menjadi mangsa penipuan atas talian sehingga menanggung kerugian ratusan ribu ringgit dan jenayah lain yang turut memberi kesan psikologi seperti gangguan emosi, trauma dan sebagainya.

Dasar permasalahan ini adalah kerana kurangnya ilmu pengetahuan, kesedaran keselamatan dan tidak cakna dengan isu-isu semasa. Modus operandi yang sering dilakukan oleh penggodam adalah dengan mengambil kesempatan ke atas kelalaian dan kecuaian pengguna apabila menjalankan transaksi digital atas talian. Seperti contoh ancaman *phishing* yang mengumpam mangsa agar mangsa mendedahkan maklumat login akaun penting seperti *banking online*, media sosial, email atau akaun *profile* individu sehingga mengakibatkan akaun tersebut berjaya dikawal dan diambil alih oleh penggodam.

Sesetengah pengguna gemar berkongsi maklumat login atau menyalin maklumat berkenaan di tempat tidak selamat. Ada yang mendedahkan maklumat pengenalan diri (*Personel Identifiable Information, PII*) secara terbuka kepada pengetahuan umum (*public*) di media sosial. Sebahagian pengguna pula tanpa sedar berkongsi maklumat sensitif seperti mendedahkan butiran tiket penerbangan, resit-resit hotel, resit pembelian barang, maklumat lokasi melalui aktiviti *check-in* dan lain-lain di atas talian.

Sementara itu, ada di antara kita membuat transaksi sensitif atau perbankan menggunakan wifi awam seperti di kafe siber, lobi hotel, tempat awam, kompleks membeli belah, lapangan terbang dan seumpamanya. Umumnya, data di atas talian ini tidak selamat dan boleh dipintas atau dicuri dengar (*eavesdropping*) oleh penggodam. Maklumat ini kemudiannya digunakan penggodam untuk memulakan serangan siber yang boleh membawa pelbagai implikasi dan risiko keselamatan terhadap reputasi, kewangan, kehilangan kepercayaan dan nilai integriti serta gangguan operasi sama ada kepada diri sendiri atau pihak lain. Kaedah yang memanipulasikan kelemahan-kelemahan manusia ini dikenali sebagai *social engineering*.

Antara langkah kawalan segera yang perlu diambil seperti memperkuuhkan kata laluan dan mengaktifkan kawalan pengesahihan pelbagai faktor (*multi factor authentication*) pada peranti atau perisian yang sensitif. Elakkan menggunakan peranti usang (*obsolete*) atau menggunakan peranti yang tidak lagi mempunyai sokongan keselamatan terkini (*end-of-support*). Buat semakan secara berkala dan pastikan perisian dan aplikasi yang digunakan adalah versi terkini dan hanya memuat turun dan pasang perisian daripada sumber yang sah.

Anda dinasihatkan tidak terburu-buru berkongsi maklumat apabila diminta oleh orang yang tidak dikenali dan pastikan ia daripada sumber yang sah dan dipercayai. Elakkan daripada menjadi sasaran penyangak siber yang sentiasa mencari peluang untuk menjadikan anda sebagai keldai akaun (*mule*) atau ‘menawan’ peranti persendirian anda untuk dijadikan sebagai *zombie* komputer (komputer yang telah dikawal dan digunakan untuk melancarkan serangan siber).

Faktor yang paling utama dan mustahak adalah untuk meningkatkan tahap kesedaran. Kita semua hendaklah sentiasa peka dan berwaspada dengan risiko baharu yang wujud. Ilmu pengetahuan tentang ancaman siber dan kaedah menanganinya boleh diperoleh melalui kursus, seminar dan latihan yang disediakan oleh pihak Kerajaan atau mana-mana agensi dan badan yang berkelayakan. Bagi pegawai awam, mereka boleh menghadiri kursus yang berkaitan dengan keselamatan siber di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). Orang awam pula boleh menerima latihan dan program kesedaran di pusat yang bertauliahan seperti siber klinik di bawah Cybersecurity Malaysia (CSM).

Ruang siber boleh dianggap sebagai dunia baharu yang dihuni oleh warganet. Kemunculan teknologi baharu seperti kecerdasan buatan (*Artificial Intelligent, AI*), *blockchain*, pengkomputeran awan (*cloud*), *Internet of Things (IOT)* menjadikan ia semakin kompleks dan menarik. Kadar penembusan jalur lebar pula menghampiri seratus peratus dengan sokongan rangkaian generasi ke lima (5G). Kemajuan ini diadaptasi dan disambut baik oleh semua pihak termasuklah pegawai awam dan Kerajaan. Ketersediaan infrastuktur ICT memberi kesan signifikan kepada penyampaian perkhidmatan, perkembangan sosial dan gaya hidup individu. Namun begitu, ruang siber ini juga mempunyai sisi gelap yang boleh merosakkan nilai teras seperti nilai moral dan kemanusiaan.

JENIS - JENIS JENAYAH SIBER

Penggodam
Memperoleh akses kepada sistem tanpa kebenaran pengguna komputer.

Penyebaran Virus
Menjangkiti komputer dengan memodoh foil serta menghalang pengguna komputer mengakses sistem mereka sendiri.

Pengintipan
Mendapatkan maklumat rahsia atau sulit tanpa kebenaran daripada pemegang maklumat.

Kecurian maklumat
Mengalihkan emel atau menggunakan laman rangkaian sosial untuk mendapatkan maklumat peribadi mangsa seperti pernyata bank dan kad kredit.

Sumber gambar : Etika dan Beradaban

Keterujaan menggunakan teknologi dan internet tanpa batas boleh membahayakan keselamatan dan mempunyai risiko yang kurang disedari. Ini seterusnya memberi ruang kepada individu atau pelaku melakukan aktiviti yang tidak bermoral dan menyalahi undang-undang. Sebagai contoh, pengguna media sosial cenderung menyebarkan kandungan yang tidak sesuai atau berita tidak sah yang boleh menimbulkan suasana panik serta perkara yang menyentuh keharmonian dan kesejahteraan negara. Unsur-unsur buli, kata-kata kesat, gangguan seksual, hasutan, keganasan, fitnah, menyebarkan kandungan jelik atau rasis merupakan kesalahan yang boleh dihukum. Ini termasuklah segelintir pegawai awam yang cuai atau berniat jahat mendedahkan maklumat Kerajaan di dalam platform awam tanpa kebenaran.

kesalahan yang boleh dihukum. Ini termasuklah segelintir pegawai awam yang cuai atau berniat jahat mendedahkan maklumat Kerajaan di dalam platform awam tanpa kebenaran.

Sebagai peringatan, di bawah Seksyen 8, Akta Rahsia Rasmi (OSA) 1972 memperuntukkan hukuman penjara bagi tempoh tidak kurang daripada **setahun dan tidak lebih daripada tujuh tahun** sekiranya didapati bersalah membocorkan maklumat rahsia rasmi Kerajaan. Tindakan menyebarkan maklumat juga boleh diambil mengikut **Seksyen 203A(1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman denda tidak lebih RM1 juta atau penjara sehingga setahun atau kedua-duanya**. Justeru, jangan biarkan diri anda dilabel sebagai penjenayah dan penyangak siber.

Pegawai awam seharusnya mempunyai etika siber dan akauntabiliti tinggi seiring dengan paradigma siber yang semakin mencabar dan sentiasa mengalami evolusi pesat. Sama-sama kita menjadi contoh dan model yang boleh diteladani masyarakat bagi mencapai maksud dan tujuannya. Bak kata pepatah jika menebang menuju pangkal, jika melanting menuju tangkai. Harus disemat, minda dan jati diri kita bukan untuk digodam sebaliknya menjadi ‘human firewall’ khususnya ke atas aset-aset penting Kerajaan.

Rujukan :

1. Cybersecurity Malaysia
2. Arahan Keselamatan
3. Seksyen 8, Akta Rahsia Rasmi (OSA) 1972
4. Seksyen 203A(1) Kanun Keseksaan



FOKUS

AKTIVITI YANG DIJALANKAN PADA BULAN JANUARI, FEBRUARI DAN MAC 2024

BIL	AKTIVITI JANUARI 2024	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1.	KURSUS KESEDARAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN (AWP 1009), SIRI 1/2024	16 – 17 JANUARI 2024	37
2.	KURSUS PEGAWALAN KESELAMATAN FIZIKAL (SGC 1013), SIRI 1/2024	16 – 18 JANUARI 2024	34
3.	KURSUS KAWALAN DOKUMEN RASMI DAN DOKUMEN RAHSIA RASMI BAGI PENDAFTAR RAHSIA, PEMBANTU KHAS DAN KESETIAUSAHAAN PEJABAT (SRC 1007), SIRI 1/2024	30 – 31 JANUARI 2024	38
4.	KURSUS KAWALAN DOKUMEN RASMI DAN DOKUMEN RAHSIA RASMI BAGI PENDAFTAR RAHSIA, PEMBANTU KHAS DAN KESETIAUSAHAAN PEJABAT (SRC 1007), SIRI 1/2024 – JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR	30 – 31 JANUARI 2024	42
5.	BENGKEL TOT KESELAMATAN FIZIKAL SIRI 1/2024	16 – 17 JANUARI 2024	27
6.	KURSUS INTEGRITI SIRI 1/2024	23 – 24 JANUARI 2024	27
7.	BENGKEL TOT PEMAHAMAN PENGURUSAN RAHSIA RASMI SIRI 1/2024	29 – 30 JANUARI 2024	12
8.	BENGKEL TOT ICT RAHSIA RASMI SIRI 1/2024	31 JANUARI 2024	13




AKTIVITI YANG DIJALANKAN PADA BULAN JANUARI, FEBRUARI DAN MAC 2024


BIL	AKTIVITI FEBRUARI 2024	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1.	KURSUS PENGENALAN PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN (BCM) (PKP 1005), SIRI 1/2024	05 - 06 FEBRUARI 2024	14
2.	KURSUS PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PPKJ) (ADSO 1002), SIRI 1/2024	05 - 07 FEBRUARI 2024	10
3.	KURSUS KESEDARAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ICT) (ITS 1004), SIRI 1/2024	14 - 15 FEBRUARI 2024	38
4.	KURSUS KAWALAN DOKUMEN RAHSIA RASMI (DCC 1008), SIRI 1/2024	14 - 15 FEBRUARI 2024	17
5.	KURSUS PROFESIONALISME PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PKJ) (DSO 1001), SIRI 1/2024	20 - 22 FEBRUARI 2024	26
6.	KURSUS PENGURUSAN KESELAMATAN SASARAN PENTING DAN KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN BAGI PEMILIK DAN PENGHUNI (KPM 1010), SIRI 1/2024	20 - 22 FEBRUARI 2024	39
7.	BENGKEL TOT PELAKSANAAN PKP DI SEKTOR AWAM SIRI 1/2024	06 - 07 FEBRUARI 2024	20
8.	KURSUS PROTOKOL SIRI 1/2024	13 - 14 FEBRUARI 2024	37
9.	KURSUS BASIC LIFE SUPPORT - CPR & TRAUMA SIRI 1/2024	20 - 21 FEBRUARI 2024	36




AKTIVITI YANG DIJALANKAN PADA BULAN JANUARI, FEBRUARI DAN MAC 2024

BIL	AKTIVITI MAC 2024	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1.	KURSUS PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PPKJ) (ADSO 1002), SIRI 2/2024	05 – 07 MAC 2024	29
2.	KURSUS PENGAWALAN KESELAMATAN FIZIKAL (SGC 1013), SIRI 2/2024	05 – 07 MAC 2024	30
3.	BENGKEL PENGENDALIAN KUNCI KESELAMATAN DAN TATACARA NOMBOR KOMBINASI (SGC 1014), SIRI 1/2024	06 MAC 2024	24
4.	KURSUS TOT BERKAITAN PELAKSANAAN INSPEKTORAT KESELAMATAN SIRI 1/2024	05 – 06 Mac 2024	12
5.	KURSUS KESEDARAN AWAM (ASAS MELAWAN KEBAKARAN) SIRI 1/2024	05 – 07 Mac 2024	31
6.	BENGKEL PEMBANGUNAN MODUL DAN SOP BAGI KURSUS FITNESS AND HEALTH DENGAN KERJASAMA KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN	04 – 07 Mac 2024	21




**AKTIVITI
YANG
DIJALANKAN**

JANUARI FEBRUARI MAC

MAC
6JANUARI
8**JUMLAH
PESERTA**

JANUARI FEBRUARI MAC

MAC
147JANUARI
230FEBRUARI
237



INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA

PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA

JABATAN PERDANA MENTERI

PROGRAM LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN TAHUN 2024

(PENDIDIKAN DAN KESEDARAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN)

BIL	KOD	MODUL	OBJEKTIF	KUMPULAN SASARAN	TARIKH												
					JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	AGO	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
1	DGO 1001	KURSUS PROFESIONALISME PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PKJ)	I) MENINGKATKAN KEFAHAMAN MENGENAI DASAR, PERATURAN DAN SISTEM KAWALAN KESELAMATAN DALAM JABATAN KERAJAAN BERDASARKAN KETETAPAN TERAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN; II) BERTUKAR-TUKAR PENGETAHUAN UNTUK MENGHASILKAN PENGURUSAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN YANG TERATUR DAN BERKESAN; DAN III) MENYELARAS FERANAN DAN TANGGUNGJAWAB ANTARA KETUA JABATAN, PKJ DAN PPKJ.	KETUA JABATAN, TIMBALAN KETUA JABATAN, KETUA BAHAGIAN DAN LAIN-LAIN PEGAWAI AWAM YANG DILANTIK SEBAGAI PKJ.	20	-	7	16	24	-	12	-	5	14	5	5	
2	ADSO 1092	KURSUS PEROLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PPKJ)	I) MEMBERI KEFAHAMAN MENGENAI PERATURAN, DASAR DAN SISTEM KAWALAN KESELAMATAN DALAM JABATAN KERAJAAN; DAN II) MENERANGKAN PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB TUGAS SEBAGAI PKJ.	SETIAUSAHA BAHAGIAN, TIMBALAN KETUA JABATAN, ETUA BAHAGIAN DAN PEGAWAI AWAM YANG DILANTIK SEBAGAI PPKJ.	5	5	14	11	6	3	5	-	7	7	7	7	
3	COC 1003	KURSUS PEGAWAI PENGELAS	I) MEMBERI PENGETAHUAN DAN KEFAHAMAN BERPERSAMAAN DAN TUGAS PEGAWAI PENGELAS DI BAWAH SEKSYEN 2B, AKTA RAHSIA RASMI 1972 DAN SURAT ARAHAN PEKELILING YANG SERAKITAN; DAN II) MEMBERI KEFAHAMAN TENTANG PROSEDUR YANG BETUL, TEPAT DAN JELAS DALAM MENGURUSKAN DOKUMEN RAHSIA RASMI MENGIKUT PERINTUAN AKTA DAN SURAT PEKELILING.	PEGAWAI AWAM YANG TELAH DILANTIK SEBAGAI PEGAWAI PENGELAS DI BAWAH SEKSYEN 2B, AKTA RAHSIA RASMI 1972 OLEH MENTERI.	23	-	26	23	2	12	-	3	13	5	5	5	
4	ITS 1004	KURSUS KESEDARAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ICT)	I) MEMBERI PENDEDAHAN DAN KEFAHAMAN DI DALAM PELBAGAI ASPEK KESELAMATAN PERLINDUNGAN ICT II) MEMBERI PENGETAHUAN BAGI MEMAHAMI DAN MELAKUKAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT DI JABATAN KERAJAAN; DAN III) MELUASKAN JARINGAN KERJASAMA ANTARA AGENSI.	PENJAWAT AWAM KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (P&P) SERTA PELAKSANA (IGRED 19 DAN KE ATAS) BUKAN TEKNIKAL.	14	-	7	-	20	-	3	15	8	21	3	3	
5	PKP 1005	KURSUS PENGENALAN PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN (BCM)	I) MEMBERI PENGETAHUAN DAN KEFAHAMAN DALAM MEWUJUDKAN PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN DI PEJABAT; II) MEMBERI PENGETAHUAN BAGI MEWUJUDKAN PELAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN DIFERLUASKAN DI PEJABAT; DAN III) MENINGKATKAN TAHAP PEMATUHAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN (BCM) DALAM PERKHIDMATAN AWAM.	PENJAWAT AWAM YANG MEMPUNYAI LATAR BELAKANG TEKNIKAL DAN MENGURUSKAN DOKUMEN/PERKARA RAHSIA RASMI DALAM PERSEKITARAN ICT.	5	-	28	-	8	9	17	-	6	29	4	4	
6	PBM 1006	KURSUS PENGURUSAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN	I) MEMBERI PENGETAHUAN BERPERSAMAAN PROSEDUR KAWALAN RAHSIA RASMI; DAN II) MENINGKATKAN KOMPETENSI DALAM BELAKSANA TATACARA PENGURUSAN DOKUMEN RAHSIA RASMI	PENJAWAT AWAM KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (P&P)	23	-	2	17	-	19	-	4	24	3	21	4	
7	SRC 1007	KURSUS KAWALAN DOKUMEN RASMI DAN DOKUMEN RAHSIA RASMI BAGI PENDAFTAR RAHSIA, PEMBANTU KHAS DAN KESETIAUSAHAAN PEJABAT	I) MEMBERI PENDEDAHAN ASAS MENGENAI LANGKAH-LANGKAH KAWALAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN; DAN II) MENUPUKE SEDARAN DAN SIAP BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP KAWALAN DOKUMEN RAHSIA RASMI	PENOLONG PEGAWAI TADBIR DAN PEMBANTU TADBIR YANG DILANTIK SEBAGAI PENDAFTAR RAHSIA, SETIAUSAHA PEJASAT, PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT SERTA LAIN-LAIN PENJAWAT AWAM DETARAF DENGANNYA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENDAFTARAN RAHSIA ATAU PAILIREKOD TERPERINGKAT.	30	-	7	13	22	-	4	31	8	14	23	4	
8	DCC 1008	KURSUS KAWALAN DOKUMEN RAHSIA RASMI	I) MEMBERI PENGETAHUAN MENGENAI KESELAMATAN PERLINDUNGAN; DAN II) MENUPUKE SEDARAN DAN SIAP BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP KAWALAN KESELAMATAN RAHSIA RASMI	PEMBANTU TADBIR PERKERAMAN DAN OPERASI SERTA LAIN-LAIN PENJAWAT AWAM DETARAF DENGANNYA YANG BERTANGGUNGJAWAB DALAM MENGURUS DOKUMEN RAHSIA RASMI	14	-	5	23	-	15	-	5	15	6	24	4	
9	AWP 1009	KURSUS KESEDARAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN	I) MEMBERI KEFAHAMAN MENGENAI KEPENTINGAN SISTEM KAWALAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN; DAN III) MEMBERI KESEDARAN KEPADA PIHAK PENGURUSAN UNTUK MEMAHAMI PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB YANG LEBIH EFektif BAGI MENINGKATKAN KUALITI KESELAMATAN PERLINDUNGAN	PENJAWAT AWAM KUMPULAN PELAKSANA	16	-	28	-	13	15	-	5	17	29	14	16	5
10	KPM 1010	KURSUS PENGURUSAN KESELAMATAN SASARAN PENTING DAN KAWASAN LARANGAN TENTATI LARANGAN BAGI PENGHUNI DAN PEMILIK	I) MEMBERI KESEDARAN KEPADA PEGAWAI AWAM DAN PEGAWAI KAKITANAN CGSO MENGENAI KEPENTINGAN SISTEM KAWALAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN SAGARAN PENTING DAN KAWASAN LARANGAN DAN TEMPAT LARANGAN II) MEMBERI KEFAHAMAN DAN KEMahiran Mengenai KEPENTINGAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN SASARAN FENTING NEGARA; DAN III) MENINGKATKAN TAHAP PROFESIONALISME PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN (GGO) DAN SEMUA AGENSI KERAJAAN SERTA BERKEPENTINGAN KERAJAAN DALAM PENGURUSAN SASARAN PENTING NEGARA,	PEGAWAI AWAM BERKANUN SWASTA BERKEPENTINGAN KERAJAAN YANG MENGURUSKAN SASARAN PENTING DAN KAWASAN LARANGAN DAN TEMPAT LARANGAN	20	-	14	16	3	5	-	7	22	16	18	6	5
11	SGC 1013	KURSUS PENGAWALAN KESELAMATAN FIZIKAL	I) MEMBERI PENGETAHUAN DAN PENDEDAHAN MENGENAI PROSEDUR DAN ARAHAN, ARAHAN PENGAWALAN KESELAMATAN DI KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI KERAJAAN; DAN III) MENINGKATKAN PRESTASI PENGAWALAN KESELAMATAN DALAM MENJALAKAN TUGAS PENGAWALAN KESELAMATAN HARIAN DENGAN LEbih CEKAP DAN BERKESAN	PENJAWAT AWAM YANG TERLIBAT DALAM PENGURUSAN DAN MENGENDALIKAN KESELAMATAN DI KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI KERAJAAN/ BADAN BERKANUN/ GLC	16	5	-	11	6	24	-	-	18	7	13	8	26
12	PSW 3003	KURSUS PENGUKUHAN KESELAMATAN PERSONEL	I) MEMBERI KEFAHAMAN DALAM PENGURUSAN KESELAMATAN PERSONEL; DAN II) MENERANGKAN TATACARA PENGENDALIAN SISTEM e-VERITING	PENJAWAT AWAM YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG DALAM PENGURUSAN SUMBER MANUSA DAN PELAKSANAAN PROSES-PROSES KESELAMATAN PERLINDUNGAN DI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN/ BADAN BERKANUN/ GLC	30	-	3	-	-	-	-	-	30	3	3	2	2
13	SRC 1008	BENGKEL PENGENDALIAN BUKU DAFTAR SURATAN RAHSIA RASMI AM 492, AM 492A DAN AM 492B	I) MEMBERI PENGETAHUAN DAN PENDEDAHAN MENGENAI PERATURAN-PERATURAN RAHSIA RASMI DI BAWAH AKTA RAHSIA RASMI 1972 DAN II) MENERANGKAN TATACARA PENGENDALIAN BUKU DAFTAR SURATAN RAHSIA RASMI YANG BETUL	PEGAWAI AWAM DAN PENDAFTAR RAHSIA YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG DALAM PENGURUSAN DOKUMEN RAHSIA RASMI DI KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI KERAJAAN	29	-	9	-	2	-	3	3	30	10	10	3	3
14	SQC 1014	BENGKEL PENGENDALIAN KUNCI KESELAMATAN DAN TATACARA KODOK KOMBINASI	II) MEMBERI PENGETAHUAN DAN PENDEDAHAN MENGENAI ARAHAN DAN PERATURAN PENGURUSAN KUNCI KESELAMATAN YANG SEDANG BERKUAT KUASA; DAN III) MENERANGKAN KACID PENGENDALIAN KUNCI KESELAMATAN DAN NOMBOR KOMBINASI DENGAN TATACARA YANG BETUL	PEGAWAI AWAM DAN PENDAFTAR RAHSIA YANG TERLIBAT DALAM PENGURUSAN KUNCI KESELAMATAN DAN DOKUMEN RAHSIA RASMI DI KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI KERAJAAN	6	-	5	4	-	-	-	-	6	5	6	3	3

JUMLAH

3 6 3 4 7 5 7 5 6 6 6 5 3 60

PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang KPKK 2-Pin.1/2017 yang boleh dimuat naik dari laman web: <https://www.cgso.gov.my>

2. Borang permohonan hendaklah dikemukakan Dua Puluh Satu (21) hari sebelum tarikh latihan dijadualkan berlangsung.

3. Pelaksanaan latihan adalah tertakluk kepada perubahan dan semasa ke semasa.

4. Borang permohonan yang telah lengkap diisi, jelas dan disahkan oleh Ketua Jabatan hendaklah dikemukakan kepada:

Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut, sila hubungi:
Urus Setia Latihan
Program Pendidikan Dan Kesedaran Kelembutan Perlindungan
Institut Latihan Kelembutan Perlindungan Malaysia

NO. TELEFON : 06-799 3301/3304/3298
NO. FAKSIMILI : 06-7994667
E-MEL : latihan@cgso.gov.my





INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA


PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA

JABATAN PERDANA MENTERI

JADUAL PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN SKIM KESELAMATAN DAN FERTAHANAN AWAM TAHUN 2024

BIL.	PEPERIKSAAN/ AKTIVITI	TARIKH PEPERIKSAAN DAN TARIKH TUTUP PERMOHONAN				MASA PEPERIKSAAN	
		KALI PERTAMA		KALI KEDUA			
		TARIKH TUTUP PERMOHONAN	TARIKH PEPERIKSAAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN	TARIKH PEPERIKSAAN		
1	Peperiksaan Perkhidmatan Pengawal Keselamatan Gred KP 11 di JPM dan Pelbagai Jabatan (2 kali setahun)	05 Februari 2024 (Isnin)	20 Februari 2024 (Selasa)	31 Julai 2024 (Rabu)	15 Ogos 2024 (Khamis)	9.00 – 10.30 Pagi	
2	Peperiksaan Untuk Memasuki Skim Pembantu Keselamatan Gred KP 19 (PSL) di JPM dan Pelbagai Jabatan (1 kali setahun)	04 Jun 2024 (Selasa)	04 Julai 2024 (Khamis)			Seksyen A: 9.00 – 9.45 Pagi Seksyen B: 10.00 – 11.30 Pagi	
3	Peperiksaan Perkhidmatan Pembantu Keselamatan Gred KP 19 di JPM dan Pelbagai Jabatan (2 kali setahun)	19 April 2024 (Jumaat)	07 Mei 2024 (Selasa)	10 September 2024 (Selasa)	26 September 2024 (Khamis)	Seksyen A: 9.00 – 10.00 Pagi Seksyen B: 10.15 – 11.45 Pagi	
4	Peperiksaan Untuk Memasuki Skim Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP 29 (PSL) di JPM dan Pelbagai Jabatan (1 kali setahun)	21 Jun 2024 (Jumaat)	23 Julai 2024 (Selasa)			9.00 – 12.00 Tengah Hari	
5	Peperiksaan Perkhidmatan Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP 29 di JPM dan Pelbagai Jabatan (2 kali setahun)	01 Mac 2023 (Jumaat)	19 Mac 2024 (Selasa)	19 Ogos 2024 (Isnin)	03 September 2024 (Selasa)	9.00 – 12.00 Tengah Hari	
6	Peperiksaan Untuk Memasuki Skim Pegawai Keselamatan Gred KP 41 (PSL) di JPM dan Pelbagai Jabatan (1 kali setahun)	13 Mei 2024 (Isnin)	11 Jun 2024 (Selasa)			9.00 – 12.00 Tengah Hari	
7	Peperiksaan Perkhidmatan Pegawai Keselamatan Gred KP 41 di JPM dan Pelbagai Jabatan (2 kali setahun)	10 Mei 2024 (Jumaat)	28 Mei 2024 (Selasa)	30 September 2024 (Isnin)	15 Oktober 2024 (Selasa)	9.00 – 12.00 Tengah Hari	

TAKWIM 2024



HARI KELEPASAN AM 2024

TARIKH	HARI	CUTI
01 Januari	Izin	Tahun Baru 2024 (Kecuali Johor, Kedah, Kelantan, Perlis & Terengganu)
25 Januari	Khamis	Hari Thaipusam (Johor: Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Perak, Perlis & Selangor)
01 Februari	Khamis	Hari Wilayah Persekutuan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya)
10 Februari	Sabtu	Tahun Baru Cina
11 Februari	Ahad	Tahun Baru Cina (Hari Kedua)
12 Mac	Selasa	Awal ramadhan (Johor, Melaka & Kedah sahaja)
28 Mac	Khamis	Hari Nuzul Al-Quran
10 April	Rabu	Hari Raya Puasa
11 April	Khamis	Hari Raya Puasa (Hari Kedua)
01 Mei	Rabu	Hari Pekerja
22 Mei	Rabu	Hari Wesak
03 Jun	Izin	Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
17 Jun	Ahad	Hari Raya Qurban
07 Julai	Sabtu	Awal Muharam (Malaysia)
31 Ogos	Izin	Hari Kebangsaan
16 September	Izin	Hari Malaysia
16 September	Izin	Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W (Natalur Rasul)
31 Oktober	Khamis	Hari Deepavali (Kecuali Sarawak)
25 Disember	Rabu	Hari Kriamas

Petunjuk ● Tertakluk Kepada Perubahan

Petunjuk Kalendar : ■ Tarikh Peperiksaan ■ Tarikh Tutup Permohonan ■ Tarikh Hari Kelepasan Am 2024

PERHATIAN

- Borang permohonan menduduki peperiksaan boleh dimuat turun di laman web rasmi Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia di alamat : www.cgso.gov.my
- Permohonan hendaklah dihantar melalui Ketua Jabatan.
- Permohonan secara 'WALK-IN' ADALAH TIDAK DILAYAN.
- Calon yang tidak mendaftar tidak dibenarkan menduduki peperiksaan.
- Tarikh **TUTUP** permohonan adalah sebagaimana tarikh-tarikh yang telah ditetapkan dalam jadual di atas.
- Pihak Urus Setia Peperiksaan berhak meminda tarikh dan Pusat Peperiksaan.

- Borang permohonan yang lengkap diisi dan disokong oleh Jabatan hendaklah dikemukakan terus kepada :

URUS SETIA, PEPERIKSAAN

INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN
KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI
PERSIARAN TIMUR 3, BANDAR ENSTEK
71760 NILAI, NEGERI SEMBILAN
TEL : 06-7993301
FAKS : 06-7994667

- Atau di-e-melkan terus kepada : kompetensi@cgso.gov.my





INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri


TAKWIM PROGRAM ASAS DAN KEMAHIRAN PEGAWAI TAHUN 2024

BIL	TEMPAT	MODUL	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OOG	SEP	OKT	NOV	DEC	JUMLAH
1	ILKEM	KURSUS BASIC LIFE SUPPORT – CPR & TRAUMA		20 - 21				25-26			18-19				3
2	ILKEM	KURSUS INTEGRITI		23 - 24		29-30				21-22					3
3	ILKEM	KURSUS ASAS PENGENDALIAN T BATON					13-17		08-12			14-18			3
4	ILKEM	KURSUS KESEDARAN AWAM (ASAS KAWALAN KEBAKARAN)			05 - 07				23-25		01-03				3
5	ILKEM	BENGKEL TOT PEMAHAMAN PENGURUSAN RAHSIA RASMI	29-30					04-05		24-25					3
6	ILKEM	BENGKEL TOT ICT RAHSIA RASMI	31				06			26					3
7	ILKEM	BENGKEL TOT PELAKSANAAN PKP DI SEKTOR AWAM		06-07			12-13			08-09					3
8	ILKEM	BENGKEL TOT KESELAMATAN FIZIKAL	16-17		24-25				06-07						3
9	ILKEM	KURSUS PROTOKOL		13-14		28-29									2
10	ILKEM	KURSUS TOT BERKAITAN PELAKSANAAN INSPEKTORAT KESELAMATAN		05-06			16-17		03-04						3
11	ILKEM	BENGKEL TOT PENGURUSAN SASARAN PENTING & KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN				20-21			13-14		05-06				3
JUMLAH															32

**“ ORANG PERJUANGAN SELALUNYA
 MENGHADAPI DUA KEMUNGKINAN :
 HILANG ATAU TERBILANG ”**

**KAMALUDDIN MUHAMAD
 (KERIS MAS)**

– SASTERAWAN NEGARA –



AKTIVITI DI ILKEM



TRAINING OF TRAINER (TOT)

KESELAMATAN FIZIKAL SIRI 1/2024

Pada 16 dan 17 Januari 2024, Training Of Trainers Keselamatan Fizikal Siri 1/2024 telah diadakan di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). Bengkel ini telah dihadiri seramai 32 orang peserta.

Penceramah yang memberikan taklimat berkenaan bengkel TOT ini ialah Encik Mohammad Shofian bin Jamain daripada Bahagian Keselamatan Fizikal dan Penilaian Teknikal. Bengkel ini diadakan kepada pegawai dan kakitangan CGSO.

Tujuan bengkel ini dilaksanakan adalah untuk memberi kefahaman mengenai dasar, peraturan dalam tadbir urus dan pengoperasian (*technical/non-technical*) keselamatan perlindungan dan sistem kawalan keselamatan perlindungan dalam kementerian/jabatan/ agensi dan badan berkanun.

Selain itu , untuk memberi pengetahuan dan kemahiran kepada pegawai dan kakitangan berhubung spesifikasi teknikal atau ciri-ciri keselamatan yang terdapat pada sistem keselamatan fizikal terutamanya bagi membantu pegawai untuk menjalankan pemeriksaan keselamatan fizikal merangkumi kelengkapan, peralatan dan sistem keselamatan bersepadu.

Bengkel TOT ini juga memberi latihan dan pendedahan secara '*hands on*' kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam pemeriksaan keselamatan fizikal berkaitan teknologi *Closed Circuit Television (CCTV)*, *Perimeter Intruder Detection System (PIDS)* dan *Access Card System*.



LAWATAN KE TAPAK PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)

Pada 18 Januari 2024, satu lawatan ke Tapak Projek Pembangunan Infrastruktur ILKEM telah diadakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR). Turut serta Encik Roselan bin Mohamed, Pengarah Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) serta penglibatan bahagian di Ibu Pejabat CGSO iaitu,

Puan Nur Azhani binti Yunos, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP),

Encik Nazrul Rizal bin Abdul Rahim, Pengarah Bahagian Keselamatan Fizikal dan Penilaian Teknikal (BKFPT) dan Puan Salmah binti Shahidan, Pendaftar ILKEM.

Lawatan ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran awal bagi rekabentuk bangunan serta kerja-kerja awalan yang perlu dilaksanakan di tapak dan juga meneliti Projek Pembangunan Infrastruktur di ILKEM, yang melibatkan skop pembinaan sebuah dewan serbaguna, pandang futsal dan pemberian semula blok pentadbiran fasa 1 ILKEM. Pihak JKR telah dilantik sebagai agensi pelaksana iaitu pihak Cawangan Kerja Bangunan Am 1 sebagai pengurus projek di ILKEM.



MAJLIS PENUTUP BENGKEL LIBAT URUS PINDAAN AKTA RAHSIA RASMI 1972 (AKTA 88) BERSAMA AGENSI LUAR

24 Januari 2024, ILKEM - YBhg. Dato' Rahimi bin Ismail, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan telah hadir dan merasmikan Majlis Perasmian Penutup Bengkel Pindaan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) bertempat di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM), Bandar Enstek, Negeri Sembilan. Bengkel ini telah dianjurkan oleh Bahagian Keselamatan ICT dan Rahsia Rasmi, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO).

Sebanyak 32 perkara pindaan menjadi fokus utama ketika persidangan bengkel yang telah berlangsung dari 22 sehingga 24 Januari 2024 di ILKEM. Pindaan ini perlu dilaksanakan selaras dengan kemajuan dan kepesatan teknologi serta bentuk ancaman keselamatan yang baharu dan kompleks pada masa kini. Selain itu, Bengkel dan mesyuarat yang telah dijalankan bagi mengemaskini pindaan akta ini adalah melibatkan beberapa perubahan dan penambahbaikan termasuklah peruntukan baharu untuk memberi kuasa kepada Pegawai Keselamatan Kerajaan bagi menguatkuaskan akta ini dan mengambil kira isu-isu dan perkembangan teknologi dalam persekitaran ICT serta mengkaji semula kesesuaian hukuman bagi setiap kesalahan dalam akta ini. Pindaan akta ini dapat memastikan Langkah-langkah pencegahan melalui penguatkuasaan peraturan (Regulation) yang berkaitan dapat dilaksanakan bagi menangani ancaman keselamatan termasuk dalam bentuk baharu yang melibatkan perkembangan teknologi khususnya ICT dengan berkesan.



Bengkel ini melibatkan rakan strategik CGSO dan Agensi Kerajaan serta Badan Berkanun yang mempunyai kepentingan kepada pihak Kerajaan. Antara agensi yang terlibat adalah Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI),



Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Arkib Negara Malaysia serta CyberSecurity Malaysia (CSM).



Pindaan ini perlu dilaksanakan selaras dengan cadangan Kerajaan untuk menggubal akta baharu iaitu Akta Kebebasan Maklumat (FOI) yang sedang dalam tindakan Bahagian Hal Ehwal Undang Undang JPM. Diharapkan bengkel pada kali ini dapat mengumpul input dan pandangan mengikut kepakaran masing-masing dan seterusnya menambahbaik hasil pindaan yang telah dicadangkan oleh CGSO. Semoga hasil daripada bengkel libat urus pindaan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) bersama agensi luar dapat memberikan input yang berguna dalam memantapkan Pindaan Akta Rahsia Rasmi 1972 di samping dapat mengeratkan hubungan silaturahim rakan strategik di antara agensi.

PROGRAM KESEJAHTERAAN MINDA WARGA

INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)

ILKEM

ANUGERAH PEKERJA CONTOH PADA TAHUN 2023



PUAN SARIMAH BINTI JANTAN,
NADI ELL HOLDINGS SDN BHD



PUAN SAYANG NORASHIKIN BINTI ALI,
MAMPAN CORPORATION (M) SDN BHD



PUAN NURULAINAIN BINTI SHAWAL,
ANGGOTA RELA



ENCIK ABDUS SALAM BIN YUSOFF,
ANGGOTA RELA

ANUGERAH PEGAWAI SEJAHTERA ILKEM



PUAN SALMAH BINTI SHAHIDAN,
PENDAFTAR ILKEM



ENCIK AWANG MOHD ISMAIL BIN A.M.
NORDIN,
KETUA PROGRAM PENDIDIKAN DAN
KESEDARAN KESELAMATAN
PERLINDUNGAN (PKKP)



PUAN IZHAMIMI SHAHRIZAH BINTI
ISMAIL,
PEMBANTU PUSTAKAWAN



ENCIK MOHD RAZIZ BIN MINHAT,
PEMBANTU KESELAMATAN



ENCIK BADRUL HISHAM BIN
HAMIDON @ ABD GHANI,
PEMBANTU OPERASI



ENCIK MUHAMMAD SHALEHIN BIN
KAMSANI, PEMANDU

ANUGERAH PEKERJA CONTOH BULAN JANUARI BAGI TAHUN 2024



PUAN ROHANI BINTI BAHARUM,
PEMBANTU TADBIR KEWANGAN

Program Kesejahteraan Minda Warga turut diserikan lagi dengan pameran-pameran yang menarik dengan kerjasama daripada Seksyen Pengurusan Psikologi, Bahagian Sumber Manusia, (JPM) dan juga saringan KOSPEN WOW yang dibangunkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang bertujuan untuk mengurangkan beban penyakit tidak berjangkit dengan Kerjasama AKRAB,JPM. Antara saringan yang telah dijalankan ialah pemeriksaan tekanan darah , pemeriksaan paras gula dalam darah dan juga timbangan berat badan. Tujuan pameran dan program yang diadakan ini adalah untuk melihat sejauh mana tahap kesihatan mental dan fizikal di tempat kerja.



AKTIVITI DI ILKEM



Oleh itu, jika stres atau tekanan tidak ditangani dengan baik, ia akan menyebabkan gejala-gejala yang tidak sihat, seterusnya menjadikan produktiviti individu dan organisasi. Pengurusan stres adalah tanggungjawab setiap individu bekerja dan pihak majikan juga perlu memainkan peranan untuk membantu mengurangkan atau membendung situasi stres di tempat kerja.



KURSUS KAWALAN DOKUMEN RASMI DAN DOKUMEN RAHSIA RASMI BAGI PENDAFTAR RAHSIA, PEMBANTU KHAS DAN KESETIAUSAHAAN PEJABAT SIRI 1/2024

Antara Penceramah yang memberikan taklimat berkenaan kursus ini ialah Puan Dayang Munirah binti Bukhari daripada CGSO Negeri Sembilan, Encik Hazimi bin Hashim daripada CGSO Negeri Sembilan, Encik Faqrulrazi bin Mohd Syukur daripada Jabatan Arkib Negara (ANM), Puan Azreena binti Mohd Norawi daripada Ibu Pejabat CGSO Bahagian Keselamatan ICT & Rahsia Rasmi dan juga Puan Noraminah binti Ismil daripada Ibu Pejabat CGSO Bahagian Keselamatan ICT & Rahsia Rasmi.



Pada 30 dan 31 Januari 2024, Kursus Kawalan Dokumen Rasmi dan Dokumen Rahsia Rasmi Bagi Pendaftar Rahsia, Pembantu Khas dan Kesetiausahaan Pejabat Siri 1/2024 telah diadakan di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). Seramai 80 peserta yang hadir di dalam kursus yang telah dijalankan.

Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberi pengetahuan dan kefahaman tentang pengendalian dokumen rasmi dan rahsia rasmi di Jabatan serta menjelaskan tentang prosedur yang betul, tepat dan jelas berkenaan Pengurusan Dokumen Rahsia Rasmi.



TOT ICT RAHSIA RASMI ICT SIRI 1/2024

Rasmi Dalam Persekutaran ICT mengikut peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Arahan Keselamatan.

Selain itu, kursus ini turut memberikan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada pegawai berhubung undang-undang Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Arahan Keselamatan serta pekeliling yang berkaitan, di samping memberikan latihan dan pendedahan kepada pegawai yang terlibat dalam Pengurusan Akta Rahsia Rasmi 1972.



Antara penceramah yang memberikan taklimat berkenaan kursus ini ialah Encik Syarifudin bin Palawa daripada Ibu Pejabat CGSO Bahagian Keselamatan ICT & Rahsia Rasmi (ICTRR) dan Encik Hafizi bin Ibrahim daripada Ibu Pejabat CGSO Bahagian Keselamatan ICT & Rahsia Rasmi (ICTRR).



Pada 31 Januari 2024, Kursus ICT Rahsia Rasmi Siri 1/2024 telah diadakan di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM).

Seramai 15 orang peserta telah hadir bagi mengikuti kursus ini. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberikan pendedahan

kepada pegawai berkenaan Dasar Keselamatan

Perlindungan Dokumen, Maklumat Rasmi dan Rahsia

Rasmi Dalam Persekutuan ICT mengikut peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Arahan Keselamatan.

AKTIVITI PELUPUSAN ASET DI BANGUNAN LAMA , BENGKEL PENDAFTARAN ASET TAK ALIH DAN PROSES PENAMPALAN PELEKAT ASET

Pada 05 Januari 2024 , ILKEM telah mengadakan Aktiviti Pelupusan Aset di bangunan lama . Ia bertujuan untuk mengasingkan aset yang tidak lagi digunakan atau rosak untuk dilupuskan serta membersihkan blok pentadbiran daripada sebarang habuk dan kotoran. Semua warga ILKEM terlibat di dalam Aktiviti Pelupusan Aset ini termasuklah pegawai RELA dan Pembersihan.



Bangunan lama Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM)



AKTIVITI DI ILKEM

Pada 08 dan 11 Januari 2024, Bengkel Pendaftaran Aset Tak Alih telah diadakan ianya bertujuan untuk mengira keluasan fasiliti di seluruh kawasan ILKEM di bangunan baharu.



Bangunan baharu Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM)



Pada 25 Januari 2024, Proses Penampalan Pelekat Aset telah dijalankan bagi menandakan aset yang telah didaftarkan serta memastikan semua aset telah dilekatkan supaya memudahkan proses pendaftaran.



LAWATAN PENANDAARASAN

INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)

KE INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

Lawatan ini telah diketuai oleh YBrs. Tuan Roselan bin Mohamed, Pengarah ILKEM, Puan Salmah binti Shahidan Pendaftar ILKEM serta Ketua-Ketua Program ILKEM.

Pada 20 Februari 2024, satu lawatan Penandaarasan Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) ke Institut Koperasi Malaysia (IKMA) telah dijalankan bagi tujuan untuk perkongsian idea bagi pelaksanaan pengurusan fasiliti dan kursus di ILKEM dengan baik.



Lawatan ILKEM ke IKMa

Antara objektif lawatan ini adalah bertujuan untuk perkongsian ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman di antara pegawai ILKEM bersama-sama pegawai IKMA. Dengan adanya lawatan sebegini ianya dapat memberikan pendedahan yang baharu dan terkini serta dapat mencerna minda dan idea untuk diaplikasikan di ILKEM. Selain itu, objektif lawatan ini juga bertujuan bagi melihat suasana tempat kerja dan ruang yang digunakan di dalam bangunan IKMA yang dilawati serta mengadakan jalinan hubungan dan kerjasama yang lebih erat di antara ILKEM dan IKMA bagi melancarkan urusan dan proses kerja.

Lawatan ini juga, merupakan salah satu alternatif bagi meningkatkan pengetahuan dalam bidang tugas masing-masing secara langsung dan menjadikan lawatan ini sebagai satu mekanisma bagi membuka minda yang sihat antara ILKEM dan IKMA untuk lebih bersemangat dalam meningkatkan lagi personaliti, imej dan kualiti kerja . Hasil daripada lawatan penandaarasan ini, diharap ianya dapat memberikan manfaat serta meningkatkan motivasi kepada pegawai ILKEM yang terlibat disamping dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dalam meningkatkan mutu kerja yang berkualiti.



AKTIVITI DI ILKEM





“KALAU KAIL PANJANG SEJENGKAL, LAUTAN DALAM JANGAN DIDUGA”
-PERIBAHASA MELAYU-

KALAU ILMU PENGETAHUAN SESEORANG ITU MASIH CETEK, TIDAK PERLU MENUNJUKKAN KEBOLEHAN ATAU LAGAK SERTA SOMBONG SENTIASA MERENDAH DIRI BERDASARKAN KEDUDUKAN DAN KEMAHIRAN ILMU YANG ADA.



KURSUS PROTOKOL SIRI 1/2024

Pada 13 dan 14 Februari 2024 , Kursus Protokol Siri 1/2024 telah diadakan. Seramai 40 peserta yang telah hadir di dalam kursus ini. Kursus ini bertujuan membolehkan pegawai dan kakitangan dapat menghayati akan perlu dan pentingnya protokol dalam memelihara imej majlis dan nama baik organisasi sebagai penganjur majlis.

Menjadikan pegawai dan kakitangan CGSO lebih yakin dan mahir untuk mengatur, mengelola dan mengendalikan sebarang jenis majlis rasmi. Penceramah yang memberikan taklimat berkenaan kursus ini ialah Puan Suzana binti Ibrahim daripada Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).





PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11 DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN PELBAGAI JABATAN

Pada 20 februari 2024, Pejabat ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) telah mengadakan Peperiksaan Perkhidmatan Pengawal Keselamatan Gred KP11 di Jabatan Perdana Menteri dan Pelbagai Jabatan. Peperiksaan ini telah diadakan di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). Seramai 145 orang calon yang hadir bagi menduduki peperiksaan ini.



Peperiksaan bagi Perkhidmatan Pengawal Keselamatan Gred KP11 ini diadakan 2 kali setahun dan soalan peperiksaan ini adalah berbentuk objektif yang merangkumi semua bidang tugas CGSO yang termaktub di dalam Buku Arahan Keselamatan.





Untuk pengesahan jawatan di dalam jabatan CGSO, calon perlu lulus di dalam peperiksaan yang dilaksanakan ini.

Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) menjadi urus setia Panel Peperiksaan Perkhidmatan yang menyelaras penyediaan, penggubalan kertas-kertas soalan peperiksaan, menyemak dan mengeluarkan keputusan-keputusan Peperiksaan Perkhidmatan Skim Keselamatan dan Pertahanan Awam.



“ MENGEJAR ILMU MESTILAH MENJADI USAHA SEUMUR HIDUP, DAN YANG LEBIH PENTING IA PERLU DIPERLENGKAP DENGAN NILAI DAN PERIBADI YANG BENAR, ”

**TUN DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
-PERDANA MENTERI MALAYSIA KE-4 DAN KE-7-**

KURSUS PENGURUSAN KESELAMATAN SASARAN PENTING DAN KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN BAGI PENGHUNI DAN PEMILIK SIRI 1/2024

Pada 20 dan 22 Februari 2024, Kursus Pengurusan Keselamatan Sasaran Penting dan Kawasan Larangan Tempat Larangan bagi Penghuni dan Pemilik Siri 1/2024 telah diadakan di ILKEM.

Seramai 40 peserta dari pelbagai kementerian/jabatan/agensi yang terlibat di dalam kursus ini. Tujuan kursus ini diadakan adalah ;

- Memberi kefahaman dalam kepentingan Sistem Pengurusan Keselamatan Sasaran Penting Negara; dan
- Memberi kesedaran kepada pihak pengurusan pemilik/penghuni Sasaran Penting Negara bagi meningkatkan pengurusan Sasaran Penting Negara

Penceramah yang memberi taklimat di dalam kursus ini adalah Encik Anuar bin Seran, Pengarah Keselamatan Kerajaan Pejabat CGSO W.P Kuala Lumpur, Encik Mohd Saiful Hisham bin Md Salleh, Pengarah Bahagian Keselamatan ICT & Rahsia Rasmi, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), dan Encik Paramesvaran Mariappan, Niosh Malaysia.



KURSUS PROFESIONALISME PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PKJ) SIRI 1/2024

Pada 20 dan 22 Februari 2024, Kursus Profesionalisme Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ) Siri 1/2024 telah diadakan di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). Seramai 30 peserta telah hadir daripada pelbagai kementerian/jabatan/agensi.

Antara penceramah yang memberikan taklimat , Encik Radzi bin Jamalluddin, Pengarah Bahagian Sasaran Penting, Kawasan larangan & Tempat Larangan, Encik M.Paramesvaran Mariappan, NIOSH dan Inspektor Mohd Ruzaini bin Rosmin daripada Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri Sembilan.



Tujuan Kursus PKJ ini diadakan adalah untuk meningkatkan kefahaman kepada Ketua Jabatan (KJ) dan Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ) mengenai peranan dan tanggungjawab dalam aspek keselamatan perlindungan. Selain itu, memberikan pengetahuan dan kemahiran mengenai dasar, peraturan dan prinsip-prinsip keselamatan perlindungan di jabatan Kerajaan.



Peserta turut didedahkan dengan bagaimana cara melaksana dan mematuhi peruntukan-peruntukan dalam Akta Rahsia Rasmi 1972, Arahan Keselamatan dan Pekeliling-Pekeliling Keselamatan Perlindungan. Dengan adanya kursus begini, peserta dapat memperoleh dan bertukar-tukar pengetahuan berkaitan amalan terbaik di kementerian/jabatan Kerajaan untuk menghasilkan keselamatan perlindungan yang teratur dan berkesan serta dapat mengukuhkan jaringan kerjasama dikalangan para peserta itu sendiri.

AKTIVITI DI ILKEM



KURSUS BASIC LIFE SUPPORT- CPR & TRAUMA

Pada 20 dan 21 Februari 2024, sekali lagi Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) telah mengadakan Kursus *Basic Life Support - CPR & TRAUMA*. Seramai 37 peserta yang telah hadir di dalam kursus ini. Antara penceramah yang memberi ceramah di dalam kursus ini ialah Dr. Puan Nor Azlinawani binti Hussin daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Encik Mohd Lokman Nur Hakim bin Ruzali daripada Angkatan Pertahanan Malaysia (APM).

Kursus ini bertujuan adalah untuk memberi pendedahan kepada para pegawai keselamatan Kerajaan dengan memberi pengetahuan secara teori dan praktikal mengenai teknik asas bantuan *Basic Life Support - CPR* yang betul kepada mangsa yang mengalami *Cardio Respiratory Arrest* dan *Airway Choking* tanpa menggunakan sebarang bantuan peralatan perubatan.



Peserta juga turut didedahkan dengan topik-topik :

- Pengenalan pertolongan cemas,
- Ciri-ciri dan tanggungjawab *first responder*,
- Pengurusan pemindahan mangsa,
- Penggunaan peralatan pelindung diri (PPE),
- Dokumentasi rawatan pertolongan cemas ,
- Penggunaan peralatan perubatan alih ganti dan
- Perkhidmatan perubatan kecemasan di Malaysia

Selain itu, kursus ini dijalankan untuk memastikan setiap pegawai keselamatan Kerajaan memahami bila bantuan *Basic Life Support - CPR* perlu dilakukan dan berkeyakinan untuk menyelamatkan seseapa sahaja tanpa mengira tempat mahupun masa.



AKTIVITI DI ILKEM



PERASMIAN BENGKEL PEMBANGUNAN MODUL FITNESS AND HEALTH DAN SOP OBSTACLE COURSE

Pada 04 hingga 07 Mac 2024, Bengkel Pembangunan *Modul Fitness And Health* dan *Sop Obstacle Course* telah dilaksanakan di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) dengan Kerjasama Institut Sukan Negara (ISN). Bengkel ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Najib bin Surip, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Operasi) serta diiringi YBrs. Tuan Roselan bin Mohamed, Pengarah ILKEM.



Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memperkenalkan modul kursus baharu iaitu *Modul Fitness And Health* dan *Sop* berkenaan *Obstacle Course*. Modul kursus *Fitness and Health* yang direka khusus untuk warga CGSO Skim KP hasil daripada kerjasama Institut Sukan Negara (ISN). Sebagai anggota keselamatan yang memainkan peranan penting dalam mengekalkan keselamatan negara di dalam pelbagai sektor yang sentiasa terdedah kepada bahaya. Skop keperluan kerja yang memerlukan pegawai sentiasa peka, bertindak balas pantas terhadap kecemasan, dan mampu bertugas untuk tempoh waktu yang panjang memerlukan kecergasan dan kesihatan pegawai sentiasa dalam keadaan baik. Oleh itu, adalah penting bagi pegawai CGSO terutamanya bertugas di kawalan fizikal mengutamakan kecergasan dan kesihatan mereka bagi melaksanakan tugas mereka dengan berkesan dan selamat.



Selain itu, latihan bagi kursus *Fitness and health* merangkumi pelbagai aspek seperti kecergasan fizikal, kesejahteraan mental dan kesihatan. Pelaksanaan latihan yang memaksimumkan penggunaan bilik kuliah, gimnasium, dan *Obstacle Course*. Pendedahan ilmu kecergasan dan permakanan yang seimbang menjadi teras utama bagi latihan ini dan latihan amali dengan memberikan teknik bersenam dengan betul serta pada akhir latihan peserta diberikan ujian kecergasan dan *Obstacle* untuk menilai tahap kecekapan dan kecergasaan mereka. Kursus *Fitness and Health* merupakan kursus di peringkat asas di bawah pelan pembangunan latihan dimana keperluan untuk semua warga CGSO Skim KP untuk menyertainya. Kursus ini merupakan penanda aras tahap kecergasan dan kesihatan bagi semua pegawai keselamatan dalam memastikan imej dan kesiapsiagaan dalam menghadapi kecemasan ditahap yang optimum.

Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan kecergasan fizikal secara keseluruhannya, termasuk daya tahan kardiovaskular, kekuatan, fleksibiliti dan mobiliti. Kursus ini juga menjadi pemula galakan untuk mengamalkan pilihan gaya hidup yang lebih sihat, termasuk pemakanan yang betul, penghidratan, rehat yang mencukupi dan senaman yang kerap. Dengan meningkatkan kecergasan fizikal, daya tahan mental dan kesejahteraan keseluruhan, ia dapat meningkatkan prestasi kerja dan keberkesanan dalam mengekalkan keselamatan negara.



Sesi ujian yang melibatkan kerjasama Institut Sukan Negara (ISN) telah dijalankan bagi menguji tahap keselamatan di *Obstacle Course* serta tahap kesuaian peralatan yang digunakan sepanjang sesi ujian ini dijalankan bagi mengetahui titik permasalahan yang dihadapi, supaya boleh dikaji semula dan melakukan penambahbaikan untuk memastikan keselamatan di lapangan terjamin. Selain itu, memahami definisi dan komponen-komponen kecergasan dan kesihatan secara menyeluruh supaya dapat menguasai dalam kehidupan seharian. Di samping itu juga, tujuan sesi ujian ini juga adalah untuk memberi pengetahuan yang mendalam mengenai fungsi dan kebaikan setiap komponen kecergasan dan kesihatan serta mengenalpasti cara-cara mengukur tahap prestasi setiap komponen kecergasan fizikal dan juga mahir dalam melakukan senaman ataupun aktiviti fizikal mengikut asas prinsip-prinsip latihan.

UJIAN LARIAN 2.4KM



OBSTACLE COURSE (RENTAS HALANGAN)



AKTIVITI DI ILKEM

Semasa bengkel Pembangunan *Modul Fitness And Health* dan Sop *Obstacle Course* berlangsung, YBhg. Dato Rahimi bin Ismail, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan turut hadir dan melawat program-program yang dijalankan di ILKEM pada ketika itu. Ia memberikan kegembiraan yang tidak terhingga buat warga ILKEM dan juga pihak Institut Sukan Negara (ISN).



KURSUS KESEDARAN AWAM (ASAS KAWALAN KEBAKARAN) SIRI 1/2024

Pada 05 hingga 07 Mac 2024, Kursus Kesedaran Awam (Asas Kawalan Kebakaran) Siri 1/2024 telah diadakan di ILKEM. Seramai 32 peserta CGSO yang telah hadir bagi mengikuti kursus ini. Kursus ini merupakan satu kursus yang memberi pendedahan berkaitan peranan dan tanggungjawab *Emergency Response Team* (ERT) dalam menghadapi sebarang kecemasan yang melibatkan insiden kebakaran di tempat kerja. Kursus ini merupakan salah satu keperluan kepada *Emergency Response Team* (ERT) berhubung tatacara keselamatan fizikal, bangunan sebelum melaksanakan latihan kebakaran dan pengungsian bangunan. Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan meningkatkan kompetensi Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK)/ ERT berkenaan dalam aspek pencegahan dan menangani insiden kecemasan khususnya kebakaran berdasarkan keperluan perundangan seperti berikut:



- Akta Bomba 1988 Akta 341 Seksyen 5 (1): "Setiap premis atau bangunan yang sentiasa berurusan dengan orang ramai mesti merangka atau merancang satu pelan atau tatacara pengungsian bangunan secara tersusun".
- Arahan Perkhidmatan, Bab 8 (1-3) Perkara 2: " Setiap jabatan/agensi mesti mengadakan latihan semasa ke semasa bagi kakitangan tentang cara mencegah kebakaran (penggunaan A.P.A) dan latihan menyelamatkan diri terutamanya dari bangunan tinggi".



Antara objektif kursus ini diadakan adalah untuk :



- Melengkapkan staf dengan keperluan keselamatan kebakaran, pencegahan kebakaran serta Langkah dan metodologi yang sesuai untuk bertindak balas terhadap kecemasan kebakaran selaras dengan penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [Akta 341].
- Memberi pemahaman mengenai peranan ERT sebagai "Responden Pertama" dalam menguruskan kecemasan kebakaran, keselamatan kebakaran dan pencegahan kebakaran.
- Mengenali pekerja dengan istilah kebakaran, sistem penggera kebakaran, klasifikasi kebakaran dan peralatan pemadam kebakaran.
- Pengetahuan mengenai cara kebakaran dan cara perlindungan termasuk jenis peralatan kebakaran yang harus digunakan untuk pelbagai kebakaran.
- Panduan tentang prosedur pemindahan serta cara terbaik untuk mengukur pintu keluar paling selamat dan bagaimana untuk membantu individu yang terdedah dengan kecemasan.

BRISK WALK ILKEM

Pada 1 Mac 2024 , ILKEM telah mengadakan aktiviti *Brisk Walk* bersama-sama staf ILKEM. Kesibukan menguruskan kehidupan serta gaya pemakanan zaman kini telah mengubah kehidupan seseorang menjadi tidak aktif serta malas melakukan aktiviti senaman dengan alasan kesibukan sering menjadi penghalang.

Antara yang mudah untuk dilakukan ialah berjalan laju (*Brisk Walking*). Senaman yang ringan dan mudah untuk dilakukan dan sememangnya kita semua sedia maklum bahawa aktiviti berjalan cepat ini daripada peringkat kanak-kanak lagi. Malah, aktiviti ini juga boleh dilakukan di dalam rumah atau mahupun di pejabat.

BRISK WALK

Brisk Walk atau berjalan cepat adalah aktiviti yang melibatkan berjalan dengan laju. Ia adalah latihan kardiovaskular yang bagus dan boleh dilakukan oleh hampir semua orang tidak kira usia atau tahap kecergasan fizikal. *Brisk Walking* ini merupakan aktiviti yang sangat rendah risiko kecederaan dan juga tidak memerlukan sebarang kos. Senaman *brisk walking* boleh dilakukan selama 30 minit secara rutin pada setiap hari.



PERBEZAAN BRIS WALK DENGAN BERJOGGING

Terdapat perbezaan di antara *Brisk Walk* dan berjogging walaupun keduanya melibatkan aktiviti bergerak. *Brisk Walk* adalah aktiviti berjalan dengan laju yang boleh memacu jantung anda berdegup lebih cepat daripada berjalan biasa manakala berjogging adalah aktiviti berlari dengan laju yang lebih rendah yang memerlukan lebih banyak tenaga dan stamina.

**KEBAIKAN BRISK WALK**

1. Membantu dalam menurunkan berat badan
2. Meningkatkan Kesihatan Jantung
3. Membaiki Postur Badan dan Kekuatan Otot
4. Mengurangkan Stress
5. Memperbaiki Kualiti Tidur



BACAAN YASIN

Majlis Bacaan Yasin telah diadakan pada 08 Mac 2024 (Jumaat). Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk mengajak seluruh warga ILKEM bermunajat dan memohon kerahmatan serta perlindungan Allah SWT agar dipelihara, dilindungi dan dipermudahkan segala urusan dalam menghadapi ujian di dalam kehidupan.

Semoga doa dan bacaan yasin tersebut dapat diangkat sebagai amal soleh tanda kita bersyukur dan bersabar atas apa jua ketentuan Allah SWT dalam menjalani kehidupan harian.



“BANYAK ORANG YANG TELAH MENINGGAL, TAPI NAMA BAIK MEREKA TETAP KEKAL. DAN BANYAK ORANG YANG MASIH HIDUP, TAPI SEAKAN MEREKA ORANG MATI YANG TAK BERGUNA.”

- IMAM SYAFI'I-



GALERI LAWATAN DAN KUNJUNGAN DI ILKEM

K

ita sering kali mendengar kata pepatah “Kuat berdiri pohon kerana akarnya, kuat akar kerana tanah” yang menggambarkan betapa kekuatan sesebuah organisasi itu

terletak pada jalinan kerjasama di antara pelbagai pihak dan kesepakatan dalam kalangan pekerjanya. Tidak kira sebesar mana pun saiz sesebuah organisasi itu atau jumlah pekerja, semangat kerjasama dan bertukar pandangan serta buah fikiran di antara pelbagai pihak wajar disemai dan diterapkan dalam landskap organisasi.

Kerjasama pelbagai pihak merupakan salah satu elemen yang sangat penting dalam sesebuah organisasi yang tidak harus dipandang enteng oleh pihak pengurusan. Tanpa elemen ini, suatu proses kerja yang dilakukan secara individu serta berkumpulan akan terasa membebankan dan sukar mencapai sasaran yang ditetapkan. Akibatnya organisasi berisiko menghadapi pelbagai masalah, antaranya kekurangan sumber maklumat dan pengalaman dalam menguruskan sesuatu hal.

Justeru itu, Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) mengalu-alukan kepada semua pihak dari pelbagai kementerian/jabatan/agensi untuk mengadakan lawatan di ILKEM dan saling berkongsi ilmu pengetahuan, pengalaman mengenai dasar, peraturan dan sistem kawalan keselamatan yang dijalankan. ILKEM juga turut berkunjung dan mengadakan lawatan ke kementerian/jabatan/agensi lain bagi menimba pengalaman baru, idea-idea baru untuk diterapkan kepada pegawai di ILKEM dalam menguruskan organisasi serta memberi khidmat nasihat yang meliputi aspek keselamatan fizikal, dokumen , personel dan keselamatan ICT secara profesional dan berkesan.

Akhir sekali, ILKEM akan memberikan perkhidmatan yang terbaik selaras dengan misi CGSO iaitu “Memperkasakan Pengurusan Keselamatan Perlindungan dan Sasaran Penting Secara Holistik, Bersepadu Dan Berimpak Tinggi”.

GALERI



INSTITUT LATIHAN
KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)
BANDAR BARU ENSTEK
NEGERI SEMBILAN

KEMAS

Kunjungan hormat daripada Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) ke ILKEM

ILKEM

A formal group photograph of five people seated in wooden chairs in front of a white wall with the ILKEM logo and name. From left to right: a woman in a maroon hijab, a woman in a red hijab, a man in a white shirt, a man in a blue shirt, and a man in a grey shirt. A small floral arrangement sits on the floor between the chairs. At the bottom, there is a yellow swoosh graphic containing the text "Kunjungan hormat daripada Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) ke ILKEM".







GALERI



Kunjungan hormat daripada Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM) ke ILKEM





“ KUAT BERDIRI POHON KERANA AKARNYA, KUAT AKAR KERANA TANAH ”

**KEKUATAN SEBUAH KERAJAAN KERANA ORANG BESAR-BESARNYA,
KEKUATAN ORANG BESAR-BESAR KERANA RAKYATNYA YANG BERSATU
PADU**

– DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA –



BERITA PERKHIDMATAN

**PEGAWAI BAHARU
INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN
PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)**



ENCIK MOHD AZHAR BIN YUSOFF

TIMBALAN PENGARAH
INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN
PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)

TAHUN	BERTUGAS
13/02/2024	TIMBALAN PENGARAH DI INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)
01/03/2023	TIMBALAN PENGARAH KANAN BAHAGIAN SASARAN PENTING, KAWASAN LARANGAN DAN TEMPAT LARANGAN DI IBU PEJABAT CGSO
17/09/2019	PENGARAH NEGERI DI PEJABAT CGSO WB LABUAN
03/04/2017	TIMBALAN PENGARAH BAHAGIAN KESELAMATAN PERSONEL DI IBU PEJABAT CGSO
05/06/2014	TIMBALAN PENGARAH BAHAGIAN KESELAMATAN FIZIKAL DAN PENILAIAN TEKNIKAL DI IBU PEJABAT CGSO
19/01/2009	PENOLONG PENGARAH DI PEJABAT CGSO NEGERI SARAWAK



ENCIK OSMAN BIN AYOB

PENOLONG PENGURUS ASRAMA
INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN
PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)

TAHUN	BERTUGAS
26/01/2024	PENOLONG PENGURUS ASRAMA DI INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)
24/06/2013	PENYELIA ASRAMA DI HOSPITAL JITRA, KEDAH



CIK NURULAIN BINTI ZAKI

PENYELIA ASRAMA
INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN
PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)

TAHUN	BERTUGAS
13/03/2024	PENYELIA ASRAMA DI INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)



**ENCIK MOHD SHAH RIZAL BIN
ABDUL LATIP**

PEMANDU
INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN
PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)

TAHUN

BERTUGAS

15/02/2024

INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)

11/03/2021

JABATAN PENDAFTAR KEHAKIMAN (JPK)



**ENCIK FREDYNO BIN
ASOI@ASRII**

PELAJAR PRAKTIKAL UNIVERSITI
PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)
INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN
PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)

TAHUN

BERTUGAS

11/03/2024

BAHAGIAN PROGRAM ASAS & KEMAHIRAN PEGAWAI, INSTITUT LATIHAN
KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)

**PENGHIJRAHAN PEGAWAI
INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN
PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)**



**ENCIK MOHD AHMADSHAH
BIN OTHMAN**

KETUA PROGRAM AKADEMIK DAN KOMPETENSI
INSTITUT LATIHAN
KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA
(ILKEM)

TAHUN	BERTUGAS
11/03/2024	AGENSI NUKLEAR MALAYSIA (ANM)
15/06/2021	INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)
15/05/2010	INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)

**“ YANG KAMI PERLUKAN KATA BENAR, BUKAN CERITA
BESAR. ”**

**MUHAMMAD HAJI SALLEH
– SASTERAWAN NEGARA –**



TAHUN	BERTUGAS
15/02/2024	JABATAN INSOVENSI MALAYSIA (MDI)
13/09/2021	INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)
27/08/2018	PEJABAT PERDANA MENTERI (JPM)
01/03/2017	PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH KEMENTERIAN PERANCANGAN EKONOMI
01/10/2010	PEJABAT MENTERI PARLIMEN MALAYSIA

**“DIAM SAMPAI KAU DIMINTA UNTUK BERBICARA ITU JAUH
LEBIH BAIK DARIPADA KAU TERUS
BERBICARA SAMPAI DIMINTA UNTUK DIAM”**

- ALI BIN ABI THALIB -

**MAJLIS PERPISAHAN KAKITANGAN
ILKEM**

Pada 14 Februari 2024 dan 08 Mac 2024, ILKEM telah mengadakan Majlis Perpisahan Kakitangan ILKEM. Majlis ini di raikan oleh semua warga ILKEM. YBrs. Tuan Roselan bin Mohamed selaku Pengarah ILKEM turut memberikan sepatah dua kata dan memberikan sedikit amanat dan nasihat kepada kakitangan yang pergi meninggalkan ILKEM dengan harapan mereka yang pergi, terus maju jaya dalam kerjaya mereka.

Sudah menjadi lumrah dalam kehidupan, setiap yang bermula pasti akan berakhir. Setiap pertemuan pasti ada perpisahan. Itulah kehidupan. Mahu atau tidak, perkara tersebut tidak dapat dielakkan. Selamat Maju Jaya untuk timbal pengalaman yang baharu.



ENCIK MOHD AHMADSHAH BIN OTHMAN

KETUA PROGRAM AKADEMIK DAN KOMPETENSI, ILKEM

KE AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

ENCIK ARIJUDDIN BIN MAHMOOD

UNIT KESELAMATAN, ILKEM

KE HOSPITAL PUTRAJAYA



ENCIK MAZRUL FAIRUS BIN MOHD SALIHIN

PEMANDU, ILKEM

KE JABATAN INNOVATION MALAYSIA (MDI)



PANTUN SYAIR PUISI



MOHD SHAMIER BIN MOHD
SHAKIR

PENOLONG PEGAWAI
KESELAMATAN

PUSPEN TIANG DUA
MELAKA

DI SEPANJANG PERJALANAN ITU

Bila kita kata kita baik
sebenarnya kita tak baik
bila kita kata kita berilmu
sebenarnya kita tak berilmu

Dan bila orang kata kita baik
sebenarnya kita tak baik
dan bila orang kata kita berilmu
sebenarnya kita tak berilmu

Dan bila kita kata orang tak baik
sebenarnya kita yang tak baik
dan bila kita kata orang tak berilmu
sebenarnya kita yang tak berilmu

Cuba jadi orang baik
dan cuba jadi orang berilmu
kerana di sepanjang perjalanan cuba itu
banyak yang akan kau temu
tentang siapakah sebenarnya
dirimu itu



PUSAT SUMBER

**PEMULANGAN DAN PEMINJAMAN
SEMULA BUKU BERKELOMPOK**

Pemulangan semula dan peminjaman semula buku berkelompok telah dilaksanakan pada 13 Feb 2024 Di Perpustakaan Negara.

Ianya bertujuan untuk memastikan perpustakaan ILKEM sentiasa memperolehi buku-buku yang berlainan sekaligus dapat menambah ilmu pengetahuan yang meluas dalam bidang yang tertentu. Selain itu, ia juga dapat menampung koleksi bahan bacaan perpustakaan jika ianya tidak mencukupi.



BUKU BAHARU PILIHAN ILKEM

JANUARI


KESIHATAN MENTAL DALAM
KAUNSELING

PENGARANG : SAMSIAH MOHD
JAIS

ISBN : 9789672908135

Masalah kesihatan mental semakin mendapat perhatian meluas masyarakat Malaysia pada hari ini dan bukan lagi satu topik tabu atau terpencil seperti dahulu kerana impaknya yang besar kepada kesejahteraan kehidupan manusia. Masalah kesihatan mental yang tidak dirawat bukan sahaja akan memberi impak negatif malah mendedahkan individu atau klien kepada tindakan memudaratkan termasuk bunuh diri.

Dalam konteks ini, peranan kaunselor dan profesional perkhidmatan manusia yang lain amatlah kritikal dalam memberikan bantuan psikologi bagi mencegah masalah kesihatan mental menjadi lebih tenat. Pengesahan awal simptom amat penting supaya klien boleh dibantu dan dirawat dengan segera. Justeru, buku Kesihatan Mental dalam Kaunseling dihasilkan untuk meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran tentang kesihatan mental dalam amalan kaunseling khususnya dalam kaunseling kesihatan mental. Kesemua 10 tajuk yang dibincangkan dalam buku ini merupakan landasan terbaik untuk kaunselor dan profesional kesihatan mental yang



lain melengkapkan diri dengan pendidikan kesihatan mental dan kemahiran asas klinikal yang diperlukan untuk memberikan perkhidmatan kaunseling yang profesional dan beretika dalam pelbagai seting khususnya dalam seting kesihatan mental di hospital, komuniti, pemulihan, kebajikan, rumah perlindungan, sekolah dan organisasi. Penghasilan buku ini diharap dapat memantapkan kecekapan kaunselor mengendalikan kes-kes berkaitan masalah kesihatan mental dan seterusnya dapat berkolaborasi dengan profesional kesihatan mental lain dalam mempromosi kesejahteraan mental klien serta memartabatkan bidang kaunseling khususnya kaunseling kesihatan mental.

BUKU BAHARU PILIHAN ILKEM

FEBRUARI


PERANAN MINDA DALAM
KEMAHIRAN BERFIKIR

PENGARANG : TAJULARIPIN
SULAIMAN,
AMINUDDIN
HASAN

I S B N : 9 7 8 9 6 7 3 4 4 0 7 0 2

Peranan Minda Dalam Kemahiran Berfikir ini dihasilkan daripada kesedaran bahawa seseorang individu itu perlu menjadi pemikir yang hebat, mengguna strategi berfikir yang berkesan dalam bertanggungjawab terhadap pemikirannya. Strategi berfikir perlu didedahkan kepada umum agar dapat membuka minda tentang kepentingan kemahiran berfikir dalam ledakan ilmu dan kepesatan teknologi canggih kini.

Huraian buku ini merangkumi fungsi otak dan minda, strategi berfikir dan pemikiran serta pelbagai aspek tentang kecerdasan. Perbincangan dan informasi yang sarat dalam buku ini dapat mendorong dan menggalakkan pembaca berfikir, bukan sahaja untuk peningkatan pencapaian akademik, malahan juga



untuk meningkatkan kualiti pemikiran mereka. Penghasilan buku ini membolehkan pembaca memahami dan menghayati konsep-konsep asas pemikiran dan kecerdasan secara menyeluruh. Seterusnya, sebagai pemangkin untuk menggalakkan budaya berfikir dengan bijak agar ia menjadi amalan dalam kehidupan manusia.

BUKU BAHARU PILIHAN ILKEM

MAC

**E N B O R A T E K N I K P E N I L A I A N
R I S I K O E R G O N O M I K D I
T E M P A T K E R J A**

PENGARANG : MOHD NASRULL
A B D O L
R A H M A N

I S B N : 9 7 8 9 6 7 2 2 1 6 9 4 0

Teknik *Entire Body Risk Assessment* (ENBORA) telah dibangunkan sebagai alat atau kaedah penilaian risiko ergonomik yang mudah dan praktikal digunakan untuk aktiviti atau tugas kerja yang melibatkan keseluruhan anggota badan sama ada statik atau dinamik di tempat kerja. Buku ini bertujuan untuk membantu para pengamal keselamatan dan kesihatan pekerjaan (pegawai keselamatan

dan kesihatan pekerjaan, doktor kesihatan pekerjaan, ergonomis, jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan, pengurus, eksekutif dan perunding keselamatan dan kesihatan pekerjaan), fisioterapi, terapi carakerja, jurutera, penyelidik, pensyarah, pelajar atau sesiapa sahaja yang berminat untuk mempelajari langkah demi langkah bagaimana untuk menilai risiko ergonomik di tempat kerja dengan



menggunakan teknik ENBORA. Teknik ENBORA direka sebagai alat pemerhatian yang menggunakan pen dan kertas sebagai medium untuk mengumpul data di tempat kerja. Teknik ENBORA ini boleh digunakan sebagai penilaian risiko ergonomik di tempat kerja yang lengkap serta memberikan penanda aras tahap risiko dan tindakan yang perlu diambil berkaitan dengan aktiviti atau tugas kerja sehari-hari.



**Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri**

**Persiaran Timur 3, Bandar Baru
Enstek, 71760 Bandar Baru Enstek,
Negeri Sembilan**

Tel.Pejabat : 06-7993301

Faks: 06-7994667/5007